

Jilid I  
Bil. 80



Hari Selasa  
3hb November, 1987

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 13257]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13305]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13305]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- “ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- “ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- “ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- “ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- “ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- “ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- “ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- “ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- “ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, **TUAN HAJI AWANG BIN JABAR**, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, **DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD**, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **CIK TENG GAIK KWAN**, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, **TUAN PETER CHIN FAH KUI** (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN ONG TIN KIM** (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN M. G. PANDITHAN**, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, **TUAN ABDUL RAMAN BIN SULLMAN** (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN OTHMAN BIN ABDUL** (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN MOHAMED BIN JAMRAH**, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR** (Kuantan).
- „ **TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT** (Libuan).
- „ **DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD**, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ **DR ABDUL HADI BIN DERANI**, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ **DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR**, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD**, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR** (Marang).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH**, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD**, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ **DATO' ABDULLAH AHMAD**, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD** (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

- Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 3hb November, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

SAYURAN-SAYURAN DI HANTAR  
KE SARAWAK

1. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian memberitahu apakah langkah yang sedang diambil bagi menghantar sayur-sayuran dari Pulau Pinang terus ke Sarawak sebagaimana kita tahu bahawa negara Singapura masih menjadi orang tengah atau agen kepada pengusaha-pengusaha sayur-sayuran di Utara Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang menggalakkan sayuran-sayuran yang dihasilkan di Semenanjung Malaysia dihantar terus ke Sarawak memandangkan bekalan sayuran-sayuran tempatan di negeri tersebut adalah terhad. Pada masa sekarang punca utama bekalan kobis bulat ke Sarawak ialah daripada Taiwan, Semenanjung Malaysia dan Australia. Dalam hubungan ini, Kementerian ini melalui FAMA sedia membekalkan maklumat-maklumat pasaran yang diperlukan kepada mana-mana pihak swasta yang berminat mengeksport sayur-sayuran

ke Sarawak, termasuk pengusaha-pengusaha dari Pulau Pinang. Terpujanglah kepada inisiatif dan usaha pihak pembekal sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia untuk mewujudkan perhubungan perniagaan dan keyakinan pihak pengimport sayur-sayuran di Sarawak supaya syor pasaran sayuran dari Semenanjung Malaysia di Sarawak dapat dipertingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran sayur-sayuran di negeri Pulau Pinang adalah dianggarkan berjumlah kira-kira 18,000 tan metrik setahun dan kebanyakan hasil pengeluaran dipasarkan di pasaran tempatan dan sebahagiannya di negeri Kedah. Oleh yang demikian, adalah dijangka keupayaan pengusaha-pengusaha sayur-sayuran di Pulau Pinang untuk menghantar sayur-sayuran ke negeri Sarawak adalah terhad pada masa kini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan sayur-sayuran, saya mendapat maklumat bahawa terdapat sayuran-sayuran yang tidak dihantar dengan tepat atau dengan selalu bagi sampel sayur-sayuran, jadi dengan ini mungkin boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna.

Kemudian soalan yang keduanya, semasa lawatan ke Sarawak baru-baru ini, saya dapati bahawa terdapat banyak ubi kentang yang dihantar ke

Sarawak, ubi kentang ini dihasilkan daripada kawasan mana di Malaysia ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sampel sayur-sayuran daripada Cameron Highlands, suka saya menyatakan bahawa sampel-sampel dihantar ke ibu pejabat Kuala Lumpur untuk dianalisa saki-baki (residue pesticidenya). Masa yang diambil untuk tiba atau sampai ke Kuala Lumpur ialah lebihkurang 4 jam. Lazimnya pada petang hari keesokannya, keputusan analisa itu dihantar balik ke Pejabat Pertanian di Cameron Highlands untuk disampaikan kepada pekebun-pekebun sayur yang berkenaan.

Berhubung dengan soalan yang kedua, iaitu ubi kentang yang terdapat pada hari ini katanya banyak di Sarawak. Ianya diimport dari Australia, Indonesia, New Zealand dan juga Taiwan.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Kementerian Pertanian selalu membuat kenyataan, kita banyak mengimport sayur-sayuran daripada luar negeri. Soalannya, saya ingin tahu di sini apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menambah pengeluaran sayur-sayuran supaya mencukupi untuk keperluan negara.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan petani-petani kita menanam ataupun menghasilkan sayur-sayuran sebanyak mana yang boleh, khususnya mengenai kobis dan asparagus dan pihak-pihak penanam digalakkan supaya menggunakan teknologi baru terutamanya berhubung dengan variety atau jenis benih. Umpamanya, kalau hendak menanam cili, cili yang berjenis MC4

atau MC5, kalau kacang buncis, MKB1 atau MKB2, kalau tomato MT1, MT2 dan begitulah variety-variety yang lain supaya penghasilannya benar-benar memberi keuntungan kepada petani-petani sendiri.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah memberi penjelasan mengenai rancangan untuk seluruh negara Malaysia. Jadi, soalan ini sedikit-sebanyak menyentuh soalan mengimport sayur-sayuran ke Sarawak. Jadi, ertinya di Sarawak itu kekurangan sayur-sayuran. Soalan saya, apakah rancangan specific dari Kementerian untuk menentukan supaya bekalan sayur-sayuran di Sarawak itu mencukupi, itu satu.

Keduanya, sekarang salah satu daripada cara yang mungkin boleh diambil kira di peringkat Sarawak ialah di peringkat MARDI. MARDI mempunyai satu bahagian penyelidikan dalam bidang pertanian dan di peringkat negeri Sarawak pun ada juga bahagian di Jabatan Pertanian yang menitikberatkan soal penyelidikan. Jadi, adakah rancangan Kerajaan untuk menyantumi jabatan penyelidikan di Sarawak dengan MARDI supaya tenaga penyelidikan itu dapat dikuatkan untuk menjamin pengeluaran hasil sayur-sayuran yang baik di negeri Sarawak.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai tanggungjawabnya sendiri berhubung dengan soal pertanian ini. Jikalau kita dijemput untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna, kita akan menghulurkan sumbangan itu, yakni pihak MARDI bila-bila masa saja sanggup menghulurkan apa juga pertolongan yang boleh membantu pengeluaran yang baik di kalangan penanam-penanam sayur di Sarawak.

**PLAZA TOL—RASIONAL  
PEMBINAAN**

**2. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) sejauh ini berapa buah tolakah yang telah, sedang dan akan dibina di Malaysia. Apakah rasionalnya pembinaan tol-tol di Jalan Kepong/Ipoh dan ura-ura membina satu tol lagi bagi lebuhraya Lembah Kelang-Kuala Lumpur;
- (ii) sejauh mana kesanggupan dan kesediaan Kementerian menghadapi banyak persoalan dan bantahan dari orang ramai dan pertubuhan terhadap pembinaan tol-tol di Malaysia dan bagaimana pihak Kementerian mengatasinya; dan
- (iii) apakah kaitan lagu Ayo-Yo Samy dengan pembinaan tol-tol tersebut.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (i) Pada masa ini terdapat 23 buah plaza tol yang telah siap dibina dan sedang beroperasi di bawah pengawasan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Sebanyak 5 buah plaza tol masih dalam pembinaan dan apabila rangkaian Lebuhraya Tol Utara-Selatan siap kelak, dijangka sebanyak 56 buah plaza tol lagi akan dibina. Mengenai pembinaan tol di Jalan Kepong-Ipoh, perkara ini tidak timbul lagi kerana Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkannya. Mengenai pelaksanaan tol di Lebuhraya Lembah Kelang-Kuala Lumpur, ini adalah perlu memandangkan projek ini adalah merupakan sebahagian daripada rancangan

penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan yang bertujuan di antara lain, untuk mengatasi kesesakan lalulintas di jalan raya yang sedia ada. Tambahan pula, pembinaan ini akan melibatkan kenaikan taraf lebuhraya yang sedia ada dari Subang Jaya ke Kelang daripada 4 lorong ke 6 lorong.

- (ii) Kementerian Kerjaraya sentiasa menerima bantahan-bantahan dan persoalan-persoalan mengenai projek-projek baru yang akan dilaksanakan. Setahu saya apa persoalan ataupun bantahan itu adalah disuarakan oleh kerana kemungkinan ada di antara orang ramai atau pertubuhan yang kurang faham tentang tujuan sebenar projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Walau bagaimanapun, sesudah perkara ini diberi penjelasan kepada orang ramai, sama ada melalui media massa, perjumpaan-perjumpaan dan sebagainya menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka yang terlibat dapat memahami dan menyokong hasrat Kerajaan itu.
- (iii) Secara langsung lagu "Ayo-Yo Samy" itu tidak ada kaitan dengan tol yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerjaraya. Walau bagaimanapun, secara tak langsung saya rasa tujuan lagu tersebut hanyalah untuk bergurau-senda mengenai tol sahaja dan saya tidak memandang serius mengenai perkara tersebut. Walau bagaimanapun, saya berpuas hati atas kebolehan penyanyi-penyanyi tanahair kita (*Ketawa*), dan saya percaya pada masa akan datang mereka

bolehlah juga menunjukkan minat bakat mereka itu kepada seluruh dunia (*Ketawa*).

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah beliau suka dengan lagu "Ayo-Yo Samy". (*Ketawa*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka dengar nyanyian itu dan juga selepas saya balik daripada luar negeri, saya dengar parti Pembangkang telah menerima lagu itu sebagai "chorus" mereka. Saya suka lebih, sebab lagu itupun ada nama saya. Saya percaya siapa yang ikuti dengan nama saya, dia boleh ada lebih kebolehan. (*Ketawa*)

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai masalah tentang kadar tol. Saya ingin mendapat tahu apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk menaikkan kadar tol, sepertimana yang telah dibuat baru-baru ini. Adakah beliau sedar bahawa kenaikan tol yang telah dilaksanakan baru-baru ini adalah satu kenaikan yang amat tidak adil memandangkan bahawa ia merupakan satu bebanan yang amat berat?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengecualikan motosikal dari pembayaran tol, dan sekiranya ada cadangan ini, maka bilakah ini akan dilaksanakan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan sejarah tol di dalam tanahair kita, pada permulaannya kita tidak ada apa-apa aturan berkenaan dengan tol. Apabila kita telah siap jalan daripada Kuala Lumpur ke Seremban, kita kenakan tol kepada pengguna-pengguna jalan

dalam "ad hoc" basis. Selepas itu, apabila kita merancang untuk mengadakan jalanraya, iaitu lebuhraya dari Utara ke Selatan dan kita sudah mengkaji dengan mendalam macam manakah kita akan mengutip tol untuk memperbaiki masalah keadaan jalan yang kita punyai sekarang, selepas itu jugalah kita menetapkan kadar tol sebagai 75 sen satu kilometer, baru sahajalah kita boleh selesaikan masalah kewangan dalam pembinaan jalan raya itu.

Kita telah menerima beberapa aduan daripada rakyat jelata, khasnya bukan banyak daripada rakyat jelata tetapi daripada pihak-pihak dan ahli-ahli politik yang berminat untuk bermain politik di dalam tanahair kita. Di dalam tanahair kita jikalau ada juga isu-isu seperti itu boleh jadi satu isu dengan lebih modal untuk memainkan peranan mereka dalam politik. Sebab itulah hari ini isu tol jadi satu isu yang terbesar dalam tanahair kita, tetapi siapa yang tak ada bayar tol, dia sahaja menyuara lebih, tetapi siapa yang dibayar tol, tidak menyuara, seperti apa bunyi orang kosong itu. (*Ketawa*)

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menimbang perkara ini dengan mendalam. Selepas itu, iaitu selepas perbincangan di antara saya dan juga Ketua Pembangkang, saya minta Jemaah Menteri untuk menurunkan kadar tol itu kepada 5 sen satu kilometer. Ini ialah satu janji yang saya buat kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya mengikut dan hormati janji saya, tetapi dia tidak mengikut dengan janji beliau. Jadi, hari ini jadi satu masalah. Saya tidak mahu komen atas kes yang ada di dalam mahkamah. Walau bagaimanapun, kadar tol dikenakan oleh Kerajaan sekarang adalah satu tol yang munasabah dan juga yang paling murah di seluruh dunia ini, bukan sahaja di tanahair kita.

Saya mahu pemimpin-pemimpin dalam tanahair kita janganlah menggunakan isu-isu tol sebagai satu isu politik. Isu-isu tol jikalau jadi isu politik, saya percaya kita tidak boleh selesaikan. Jikalau kita suka juga menimbangkan isu itu sebagai satu isu ekonomik kepada rakyat jelata, saya boleh menimbang dan saya boleh juga memberi penjelasan kepada sesiapa yang hendak juga membincang perkara ini dengan saya, saya menerima kepada mereka. Itu sahaja.

Yang kedua, tol berkenaan dengan motosikal ini ada dalam pertimbangan saya sekarang. Saya sudah merujuk perkara ini kepada Kementerian Pengangkutan untuk mendapat tahu berapakah jenis motosikal akan menggunakan jalan itu dan apakah c.c. mereka. Saya percaya saya boleh dapat jawapan ini dalam tempoh satu atau dua minggu akan datang. Selepas itu, saya akan hantar satu kertas kerja kepada Jemaah Menteri untuk mengambil satu keputusan. Keputusan itu kita belum tahu; mahukah kita batalkan tol itu atau tidak. Tetapi saya sendiri percaya kita suka membatalkan tol kepada beberapa jenis motosikal. Ini boleh ditetapkan selepas mesyuarat Jemaah Menteri akan datang.

**Tuan Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

*(Soalan No. 3 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)*

**Tuan Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)*

## INDUSTRI KAMPUNG— KEJAYAAN

**5. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat ini berapa banyakkah industri kampung ditubuhkan dan bagaimanakah sambutan masyarakat luar bandar dan berapa banyakkah peruntukan yang telah dikeluarkan. Apakah hasil yang telah dicapai oleh industri itu.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali)** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah meluluskan sejumlah 1,240 projek industri kampung sehingga 31hb Julai, 1987. Pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Jumlah Projek</i>
Bantuan perse-orangan	1,018
Bantuan kelompok	192
Bantuan Koperasi industri kampung	30

Sebagaimana data yang telah saya nyatakan tadi, sambutan adalah menggalakkan. Peruntukan yang telah dikeluarkan adalah berjumlah \$11,271,409. Pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i>
Bantuan perse-orangan	\$5,167,438
Bantuan kelompok	\$4,062,764
Bantuan untuk koperasi industri kampung	\$2,041,207

Penubuhan industri kampung ini telah menggalakkan penyertaan orang-orang kampung dalam bidang

industri dan telah dapat menambahkan lagi pendapatan mereka.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menubuhkan satu agensi yang boleh menjadi pemasar utama kepada barang-barang industri kampung. Maksud saya dalam keadaan sekarang ini kebanyakan barang-barang yang dihasilkan diambil untuk dijual, kalau tak laku makna kata dianggap tak laku, tetapi kali ini agensi itu membeli terus, sebagaimana yang dibuat di Taiwan, pihak Kerajaan membeli kesemua sekali penghasilan yang dikeluarkan oleh industri kampung.

Soalan yang kedua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini saya rasa boleh mengikut contoh Kementerian Pertanian dalam kempen ini iaitu Kementerian Pertanian ini banyak berjaya seperti kempen kelapa muda. Jadi, apakah bentuk kempen yang akan dibuat dengan cara yang sama.

Tadi, saya hendak bertanya soal fasal tol tadi supaya tol itu dibuat dalam bentuk itu sebagai contoh. Jadi, kempen yang membolehkan kita jadikan bahawa industri kampung ini seperti kita minum air kelapa muda supaya orang semua berminat. Sekarang ini kita paksa orang supaya menerima program ini, tetapi pada kali ini supaya orang dengan secara sukarela datang untuk berlumba-lumba menyahut seruan Kerajaan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kita ada setakat ini tiga buah agensi yang memasarkan barang-barang keluaran industri kampung, keluaran-keluaran kraf dipasarkan melalui IFOKRAF iaitu sebuah anak syarikat kepunyaan Perbadanan

Kemajuan Kraftangan Malaysia dan sebuah anak syarikat kepunyaan MARA iaitu Karyaneka Sdn Bhd dan kita ada juga menubuhkan sebuah syarikat lagi di bawah MARA yang kita namakan Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung (SPPIK) yang mana kita telah pun mendapat peruntukan sebanyak \$17.1 juta daripada Kementerian Kewangan.

Jadi, di bawah program ini iaitu SPPIK, kita bukan sahaja boleh memasarkan barang-barang keluaran industri kampung tetapi juga kita boleh mengeluarkan barang-barang itu secara lebih komersil. Apa yang menjadi masalah kepada Kementerian Pembangunan Negara pada masa ini ialah untuk mewujudkan barang-barang yang dikeluarkan oleh penduduk kampung dalam satu bentuk mutu yang lebih tinggi, yang mana boleh dipasarkan ke luar negeri kerana pasaran tempatan begitu terhad sekali.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu berkenaan dengan cara-cara kita memasarkan kraftangan, Kementerian sememangnya mengalu-alukan kalau ada pandangan-pandangan ataupun cara-cara mana barangan kraftangan itu ataupun barangan industri kampung itu boleh kita pasarkan kerana barangan industri kampung juga setakat ini dipasarkan melalui Pernas-Edar dan juga melalui Bestar.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kepada bakal peserta-peserta di dalam industri kampung ini, saya ingin tahu apakah jenis-jenis industri yang boleh mendapat bantuan daripada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar secara kasar, yang besar-besar dan juga soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, oleh

sebab ada agensi-agensi lain yang juga menumpu kepada industri-industri kampung ataupun jenis-jenis industri kampung ini, adakah satu sistem diwujudkan untuk menyelaraskan pengeluaran-pengeluaran barang-barang oleh pihak industri-industri kampung itu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan badan-badan dan agensi-agensi yang lain.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, program industri kampung ini telah dimulakan di bawah Kementerian pada tahun 1984 dan pada masa itu kita hanya menumpukan kepada industri kraf ataupun barang-barang kraftangan sahaja tetapi mulai pada September tahun lepas, industri kampung telah mula kita perluaskan supaya dapat menumpukan perhatian kepada pengeluaran barangan ataupun yang boleh kita proses di kawasan luar bandar. Seseorang pengusaha bolehlah meminta bantuan daripada Kementerian sama ada dalam bentuk mesin ataupun bengkel yang berjumlah \$10,000 bagi setiap individu.

Walau bagaimanapun, oleh kerana ramai belia-belia kita yang lulus daripada universiti yang menganggur, maka program ini juga telah dibuka, telah diperluaskan kepada belia-belia yang menganggur dan kepada mereka itu kita boleh meluluskan projek setakat \$50,000 asalkan projek yang hendak dikelolakan oleh mereka itu termasuklah dalam istilah program industri kampung iaitu mesti dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan industri kampung juga salah satu daripada syaratnya ialah mereka yang hendak mengeluarkan barang-barang itu mestilah ada kemahiran dan kita juga syaratkan iaitu mereka mesti ada

pasaran kerana setakat hari ini Kementerian tidak mampu untuk membeli semua barang-barang yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha itu dan kita pasarkan melalui Kementerian tetapi apabila Kementerian ada kesanggupan, mungkin kita akan mengenalpasti barang-barang yang laris di pasaran untuk dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera tadi.

### AKAUN IMBANGAN PEMBAYARAN MALAYSIA

**6. Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah akaun tidak ketara bagi tahun 1983, 1984, 1985, 1986;
- (b) langkah Kerajaan untuk mengurangkan defisit perdagangan tidak ketara; dan
- (c) langkah yang diambil oleh Majlis Perdagangan tidak ketara untuk memajukan sektor ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, akaun tidak ketara imbalan pembayaran Malaysia telah mencatat defisit sebanyak \$9,119 juta pada tahun 1983, \$10,903 juta pada tahun 1984, \$10,605 juta pada tahun 1985, \$9,518 juta pada tahun 1986, \$9,903 juta pada tahun 1987 dan \$10,719 juta dijangkakan pada tahun 1988.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan perdagangan tidak ketara dan telah memperkenalkan banyak langkah bertujuan untuk mengurangkan defisitnya.

Langkah-langkah ini ialah di dalam bidang perkapalan, insurans, pelancongan, pendidikan, pengurusan projek dan juga mengurangkan beban pinjaman luar negeri. Penerangan berkenaan langkah-langkah ini telah

pun dibuat di dalam ucapan-ucapan Belanjawan yang lalu dan Laporan-laporan Ekonomi yang lepas.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1981, Majlis mengenai Perdagangan Tidak Ketara Malaysia atau "COMIT" (Council of Malaysian Invisible Trade) telah mengkaji secara mendalam isu-isu mengenai perdagangan tidak ketara Malaysia termasuk kajian terperinci mengenai industri-industri perkapalan, insurans, pelancongan, pelajaran luar negeri, pembayaran pendapatan pelaburan dan lain-lain perkhidmatan, termasuk perkhidmatan rundingcara.

Dalam kajian-kajian ini, COMIT telah mengemukakan cadangan-cadangan khusus untuk mengurangkan defisit dalam akaun tak ketara. Cadangan-cadangan ini setelah diteliti oleh Kerajaan, telah pun diambil kira dalam penggubalan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia dan juga dalam strategi Belanjawan tahunan bagi tahun-tahun yang lepas.

Baru-baru ini COMIT telah mengemukakan satu lagi laporan kepada Kerajaan mengenai sektor-sektor pelancongan dan pendidikan. Kerajaan sedang mengkaji syor-syor yang dikemukakannya dan yang melaksanakan syor-syor yang akan difikirkan sesuai dan seterusnya mengawasi dan mengikut perkembangan kesan syor-syor yang dilaksanakan.

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat saya satu daripada cara-cara untuk mengurangkan defisit perdagangan tidak ketara ini ialah dengan menentukan bahawa barang-barang eksport kita dibuat secara C.I.F. dan bukan F.O.B. Apakah Kerajaan bercadang menjadikan ini sebagai satu kemastian melalui satu Rang Undang-undang.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan dengan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam bidang industri insuran. Dengan cara tidak langsung saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan syarikat insuran tempatan supaya dapat insentif cukai akan diberikan kepada pengimport Malaysia yang menggunakan perkhidmatan syarikat insuran yang ditubuhkan di Malaysia dalam bentuk potongan dua kali bersabit dengan cukai pendapatan bagi perbelanjaan insuran atas kargo. Inilah salah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan. Mengenai langkah yang terperinci Kementerian Kewangan boleh memberi jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud) Yang Berhormat Tuan Michael Asang.**

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir).*

#### **KEMALANGAN KAPAL TERBANG DI THAILAND—PAMPASAN**

**8. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan membantu keluarga-keluarga rakyat Malaysia yang terbunuh dalam kemalangan udara di Phuket, Thailand baru-baru ini untuk menuntut pampasan yang mencukupi dari Kerajaan Thailand.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, ketika berlaku trajedi kemalangan kapal terbang di Phuket, Thailand pada 31hb Ogos tahun ini, Kementerian Luar Negeri telah memberikan kerjasama dan bantuan yang perlu kepada keluarga-keluarga mangsa kemalangan tersebut melalui

Perwakilan-perwakilan Malaysia di Songkhla dan Bangkok. Konsol Jeneral dan pegawai-pegawai kita di Songkhla telah pergi ke tempat kejadian itu untuk memberikan bantuan dan pertolongan yang sewajarnya. Pada keseluruhannya, adalah didapati bahawa keluarga mangsa-mangsa kemalangan itu berpuas hati dengan bantuan dan pertolongan yang diberikan.

Mengenai tuntutan pampasan dari Syarikat Penerbangan Thai, telah difahamkan bahawa waris-waris mangsa kemalangan telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menuntut pampasan dari Syarikat Penerbangan berkenaan. Kementerian Luar Negeri sentiasa mengikuti perkembangan perkara ini dan jika perlu akan memberi bantuan yang sepatutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dimaklumkan bahawa tuntutan pampasan ini masih lagi dalam perundingan di antara Syarikat Penerbangan Thai dan syarikat insuran yang berkenaan.

#### AKTA PEMAJU PERUMAHAN 1966—PINDAAN

9. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian ini akan mempertimbangkan pemindaan Akta Pemaju Perumahan 1966 (Housing Developers Act) dan mengetatkan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan 1982 (Housing Developers-Control and Licensing Regulations 1982) memandangkan begitu banyak projek perumahan telah ditinggalkan oleh pemaju-pemaju untuk membolehkan:

- (a) bank atau institusi kewangan yang telah memberikan "bridging loan" dan "end

finance" untuk mengutip pembayaran ansuran dari pembeli-pembeli bagi mengawal dan memberhentikan penyalahgunaan wang ansuran yang telah dikutip serta wang pinjaman dari bank atau institusi kewangan; dan

- (b) bank atau institusi kewangan dan akitek bersama-sama memikul tanggungjawab dalam memberikan pinjaman kepada pemaju-pemaju supaya pemaju-pemaju tidak akan mengutip pembayaran ansuran daripada pembeli-pembeli dan juga wang pinjaman daripada bank atau institusi dan kemudiannya meninggalkan projek-projek perumahan mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpendapat bahawa secara amnya Akta Pemaju Perumahan yang sedia ada adalah mencukupi untuk mengawasi kegiatan-kegiatan pemaju-pemaju perumahan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedar bahawa kebanyakan projek terbengkalai adalah disebabkan oleh kurang kecekapan dan kawalan kewangan oleh pemaju itu sendiri dalam menjalankan pengurusan syarikat mereka.

Pindaan-pindaan kepada Akta sekarang untuk mengetatkan lagi peruntukan yang ada sedang dalam kajian peringkat terakhir Kementerian ini.

Untuk mengatasi masalah penyelewengan kewangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji satu sistem pengawalan dalam bentuk akaun projek

perumahan untuk memastikan bahawa segala pinjaman yang dibuat oleh pemaju hendaklah semata-mata digunakan bagi tujuan pembiayaan projek perumahan tersebut.

Sistem pengawalan akaun projek ini adalah di dalam peringkat kajian terakhir dan ianya akan menjadi satu peraturan bagi mengurangkan lagi kes-kes penyelewengan dalam industri perumahan swasta. Dengan yang demikian peraturan ini akan dapat melindungi para pengguna daripada teraniaya oleh para pemaju yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghaffar:** Soalan tambahan. Telah beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini saya membangkitkan satu isu yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan, selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, iaitu masalah pemaju-pemaju untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman bridging loan dan juga end financing, dengan izin, daripada pihak-pihak institusi kewangan terutama sekali jika sekiranya projek-projek tersebut didirikan jauh dari kota-kota. Jadi apakah langkah yang boleh diambil oleh Kementerian ini sama ada berbincang dengan Menteri Kewangan dan sebagainya untuk menentukan supaya masalah-masalah ini tidak timbul lagi. Dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak setakat mengatakan bahawa Kerajaan akan mengkaji dan sebagainya, pada hari ini.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, setiap masalah yang dibangkitkan perlu dikaji. Walau bagaimanapun dalam hal ini tidak payahlah kita menjalankan kajian, kita memang sedar bahawa beberapa pemaju sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman baik

end financing ataupun bridging financing. Dalam masalah ini Kementerian saya telah mengadakan beberapa kali perbincangan dengan Bank Negara tentang masalah-masalah ini dan Bank Negara telah memberi jaminan bahawa setiap kes yang dirujuk kepada Bank Negara akan dikaji oleh kerana satu seksi telah ditubuhkan khususnya bagi pemaju-pemaju yang tidak dapat memperolehi pinjaman bagi projek-projek. Tetapi perlulah projek-projek ini merupakan projek viable.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberitahu Dewan ini tentang bilangan projek yang terbengkalai dan sejauh mana Kementerian yang berkenaan dapat menghidupkan semula projek yang tersebut dan berapa buah projek yang dapat dibuat demikian?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek-projek yang terbengkalai buat masa sekarang adalah lebih kurang 170. Ini tidak termasuk projek-projek yang telah pun dipulih ataupun dihidupkan semula atau projek-projek yang telah disiapkan selepas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan campur tangan.

Bagi projek-projek yang terbengkalai ini, usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian adalah berbagai jenis. Kita memerlukan kajian bagi tiap-tiap projek yang terbengkalai. Masalah-masalah yang dihadapi oleh projek-projek ini berasingan oleh kerana ada projek yang menghadapi masalah kewangan, ada projek yang menghadapi masalah daripada agensi-agensi Kerajaan ataupun daripada pembeli-pembeli yang tidak sanggup bayar oleh sebab ada perkara-perkara pertikaian diantara pemaju dan pembeli.

### PENYALAHGUNAAN DADAH— PELAJAR YANG TERLIBAT

10. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan mengikut perangkaan tahun 1984, 1985, 1986, 1987, jumlah pelajar-pelajar yang telah didapati bersalah terlibat dengan penagihan dan pendedaran dadah serta jenayah. Adakah jumlah ini semakin bertambah atau berkurangan dari tahun ke tahun. Jika kadar ini bertambah, apakah faktor-faktor utama yang telah dikenalpasti yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku dan bagaimanakah cara Kementerian mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar-pelajar sekolah menengah Kerajaan yang didapati terlibat dalam perbuatan menyalahgunakan dadah dan jenayah mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Penyalahgunaan dadah	Jenayah
1984	109	54
1985	118	129
1986	240	201
1987	286 (hingga Ogos)	(belum menerima laporan)

Pada hakikatnya pertambahan angka dari tahun ke tahun ini tidak menunjukkan pertambahan dari segi penglibatan pelajar-pelajar dalam penagihan dadah dan jenayah. Apa yang berlaku ialah sekarang ramai guru-guru tampil untuk melaporkan kejadian-kejadian tersebut kepada pihak sekolah. Di samping itu, pihak sekolah juga mengambil tindakan tegas terhadap pelajar-pelajar yang terlibat. Bagi pihak sekolah juga menjalankan aktiviti pencegahan dadah di peringkat sekolah termasuklah mengadakan serbuan

mengejut dan ujian air kencing ke atas pelajar-pelajar yang disyaki menyalahgunakan dadah.

Kementerian Pendidikan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan ialah:

- (i) memperbaiki pengawasan dan pengurusan sekolah-sekolah, melalui panduan dan surat-surat arahan;
- (ii) membentuk beberapa jawatankuasa untuk mempertingkatkan disiplin murid-murid;
- (iii) mengada dan meneruskan ceramah kesedaran akan bahaya dadah kepada semua pelajar, ketua murid termasuk ibu-bapa;
- (iv) mendapatkan kerjasama daripada pihak Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (v) di sekolah menengah kita mengadakan guru-guru bimbingan dan guru-guru kaunseling; dan
- (vi) menempatkan pegawai di Kementerian Pendidikan dan Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri mengenai hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar.

Pada umumnya terdapat faktor-faktor utama yang telah dikenalpasti membawa kepada kejadian-kejadian penyalahgunaan dadah dan jenayah ialah:

- (a) pengaruh rakan-rakan sebaya yang sebahagiannya daripada mereka sudah tidak lagi bersekolah;
- (b) ada juga murid-murid berkenaan kurang mendapat

kawalan dari pihak tertentu, termasuk pihak ibu-bapa dan penjaga; dan

- (c) faktor seperti tekanan psikologi dan juga mental dan sosial terhadap murid-murid itu.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kegiatan penagihan dan pendedaran dadah itu dilakukan semasa pelajar-pelajar itu berada di sekolah ataupun di luar sekolah?

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, kebanyakan kegiatan penyalahgunaan dadah ini adalah di luar kawasan sekolah dan juga di masa bukan persekolahan. Kita juga mengenalkan pelajar-pelajar yang kita syaki telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini dari segi kegiatan-kegiatan mereka sama ada tidak hadir ke sekolah dan juga dari petanda-petanda yang telah dipastikan untuk mengenalkan mereka yang terlibat dalam penggunaan dadah ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah hubung-kait di antara pendedaran ataupun penggunaan di kalangan murid-murid dengan tabiat ataupun percubaan merokok di kalangan murid-murid sekolah dan juga kaitan antara kegiatan jenayah di kalangan murid-murid sekolah dengan kegiatan merokok? Kalau ada, apakah kegiatan untuk mengharamkan penghisapan rokok di kawasan sekolah sama ada di kalangan kakitangan atau guru atau pelawat-pelawat yang masuk ke kawasan sekolah?

**Dr Leo Michael Toyad:** Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tadi, memang ada juga kaitan dengan percubaan menghisap rokok dan juga di peringkat penyalahgunaan dadah ini

kerana kebanyakan pelajar-pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini adalah mereka dalam peringkat percubaan dan dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya. Jadi, dengan cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, kalau ada kaitan dengan jenayah dan penyalahgunaan dadah ini dengan tabiat merokok ini, cadangan ini kita mungkin dapat dipertimbangkan untuk tindakan di sekolah-sekolah atau di kawasan-kawasan sekolah.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kesediaan, langkah dan tindakan Kementerian terhadap saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan Unit Anti Dadah di sekolah-sekolah? Kedua, adakah pihak Kementerian Pendidikan menyedari bahawa bertambahnya kes penyalahgunaan dadah dan juga jenayah disebabkan longgarnya disiplin di sekolah-sekolah dan kurangnya penerangan mengenai dengan bahaya dadah di sekolah-sekolah. Kalau sedar, apakah tindakan dan langkah selanjutnya?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penubuhan Unit Anti Dadah di sekolah-sekolah, ini memang disambut oleh Kementerian Pendidikan dan ada cadangan untuk merangkumkan ini dengan kegiatan-kegiatan yang telah dirancang dalam kalangan kanak-kanak sekolah kita supaya mereka ini dapat secara langsung terlibat untuk mempergiatkan usaha untuk menangkis najis dadah ini dari murid persekolahan. Sekarang pun kita ada program di mana kita melibatkan murid-murid kita yang layak dengan persetujuan guru dan ibu-bapa untuk bergiat supaya memberi bimbingan atau memberi sokongan kepada

mereka yang berisiko tinggi. Itulah dari satu-satu kegiatan yang kita adakan di sekolah.

### PENDATANG HARAM DI PORT DICKSON

**11. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau telah membenarkan penempatan pendatang haram di atas sekeping tanah kepunyaan MINDEF yang terletak di Bt. 10 Jalan Port Dickson Pasir Panjang, Port Dickson.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak ada kuasa dan juga tidak pernah membenarkan mana-mana orang untuk mendirikan rumah di atas mana-mana tanah, termasuk tanah milik Kementerian Pertahanan di Batu 10, Jalan Port Dickson, Negeri Sembilan.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ada faham dan tahu di atas tanah MINDEF di Port Dickson ada satu kampung dan dia pun tahu kampung ini dijadikan satu, dengan izin, staging point, untuk pendatang haram yang telah datang untuk disalur ke lain tempat—bukan ini satu tempat sahaja tetapi ada lain-lain tempat staging points di pantai Port Dickson. Apakah langkah diambil untuk memindah kampung ini yang telah dijadikan satu staging point untuk pendatang haram ke tempat lain?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti adakah kampung ini merupakan "staging point" sepertimana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi apa yang kita ketahui bahawa daripada jumlah 132 orang warganegara Indonesia yang terlibat itu, 112 orang ialah penduduk tetap Malaysia iaitu mereka yang telah

memiliki Kad Pengenalan Merah, 12 orang kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, manakala 8 orang sahaja pendatang tanpa izin. Jabatan Imigresen Malaysia telah pun menangkap kelapan-lapan pendatang tanpa izin ini dan telah pun dihantar balik ke Indonesia.

Masalah untuk memindahkan kampung ini ke tempat lain bukanlah urusan Kementerian Dalam Negeri. Ini adalah urusan pentadbiran Negeri Sembilan sendiri.

### NELAYAN YANG DITANGKAP

**12. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan dalam tahun 1983, 1984, 1985, 1986 dan 1987;

- (a) berapa bilangan nelayan negara ini yang telah ditangkap kerana melanggar peraturan;
- (b) berapa kes yang dihadapi ke mahkamah dan berapa kes yang masih belum selesai; dan
- (c) adakah Menteri sedar masih ada bot yang ditahan semenjak tahun 1984 hingga sekarang, kerana menunggu keputusan perbicaraan, jika sedar apakah langkah yang telah diambil supaya bot tersebut tidak terbiar begitu lama dan menyusahkan pemiliknya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan nelayan di negara ini yang ditangkap kerana melanggar peraturan ialah 10,688 orang.
- (b) Jumlah bilangan kes yang dihadapkan ke Mahkamah ialah 530 dan yang belum selesai ialah 102 kes.
- (c) Tidak ada kes yang belum selesai pada tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985. Walau

bagaimanapun, Kementerian sedar bahawa masih terdapat 20 kes pada tahun 1986 dan 82 kes tahun 1987 yang belum selesai lagi sehingga kini. Langkah yang telah diambil ialah bot-bot tersebut boleh dilepaskan dengan "bond" dan bagi bot-bot yang tidak dilepas dengan cara itu, Kementerian bertanggungjawab untuk menjaga bot-bot yang tersebut.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang penangkapan nelayan-nelayan ini, daripada ribuan orang yang ditangkap itu berapa ramaikah bilangan nelayan kecil yang telah ditangkap?

Yang kedua, adakah kerana melanggar peraturan itu masuk dengan cara Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan lesen-lesen kepada pukat-pukat tunda di bawah 25 tan yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, tentang angka spesifik yang dikehendaki oleh Yang Berhormat iaitu berhubung dengan nelayan kecil yang ditangkap itu, tidak dapatlah saya beritahu pada masa ini melainkan setelah notis dihulur terlebih dahulu kepada saya.

Yang kedua, berhubung dengan soal lesen, pihak Kementerian sentiasa mengkaji setiap permohonan lesen dan jikalau didapati munasabah maka lesen itu akan diberi kepada sesiapa sahaja yang benar-benar layak dan ingin menjadi nelayan.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa sejak lulusnya Akta Perikanan, 1985 ada satu peruntukan bahawa tiap-tiap kes kesalahan yang

dilakukan oleh nelayan ini ada yang dapat dikompaun dan kompaunnya pada kadar minimum \$500. Tetapi dalam amalan Jabatan Perikanan, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang dikompaun oleh Jabatan Perikanan dikenakan kompaun sekurang-kurangnya \$1,000 sehinggalah \$5,000. Ini menambahkan beban lagi kepada nelayan-nelayan yang menghadapi kesempitan hidup.

Jadi saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua Kementerian akan mengkaji semula kadar-kadar kompaun yang biasanya dikenakan untuk kesalahan yang dilakukan oleh pihak nelayan ini khasnya nelayan-nelayan pantai yang terdapat di negara kita. Sekian.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan di sini bahawa soal kompaun yang dilaksanakan oleh Kementerian merupakan kompaun yang adil, tetapi yang perlu diketahui oleh penangkap ikan ataupun nelayan sendiri iaitu mereka hendaklah mematuhi dan mengakui apa jua undang-undang yang kita catatkan dalam Akta Perikanan, 1985. Kita tidak boleh sama sekali bertolak-ansur dari segi pengalaman undang-undang yang ada, yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat sendiri.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan beberapa contoh kesalahan yang sering dilakukan oleh nelayan-nelayan kita dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melonggarkan peraturan-peraturan itu memandangkan begitu pincangnya hidup nelayan kita?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, contoh yang paling besar dan saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat ialah soal lesen bot sendiri. Kadangkala nelayan kita tidak mempunyai lesen dan

mereka juga menangkap ikan. Yang kedua berhubung dengan pukat, pukat yang dihatal adalah sekian tetapi mereka tidak menggunakan pukat itu. Jadi ini satu-satunya contoh yang mana nelayan kita sendiri tidak mengakui.

Jadi saya berharaplah Yang Berhormat sendiri memberitahu kepada nelayan yang ada di mana juga di Malaysia ini mematuhi syarat-syarat dan kehendak yang terdapat di dalam Akta Perikanan, 1985 ini.

### ASEAN—GALAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

**13. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah pihak ASEAN berunding dengan Jepun untuk negara maju itu memusingkan semula (recycle) kelebihan perdagangan yang besar-besaran dengan melaksanakan satu Rancangan Bantuan Khas di rantau ASEAN serta Asia Pacific sebagai langkah positif untuk tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di rantau tersebut, dan jika ya, apakah keputusan telah dibuat.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Luar Negeri Jepun, semasa mesyuarat dengan Menteri-menteri Luar ASEAN di "Post Ministerial Conference (PMC)", dengan izin, yang diadakan di Singapura pada pertengahan bulan Jun tahun ini, telah menyatakan bahawa Kerajaan Jepun akan berusaha sedaya-upaya untuk membantu ASEAN di dalam usahanya bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Jepun akan memusingkan semula sebanyak US\$20 billion ke negara-negara membangun untuk memajukan sektor perindustrian swasta. Peruntukan US\$20 billion tersebut adalah lebih perdagangan daripada sektor swasta Jepun yang akan

disalurkan secara bebas ataupun "completely untied", dengan izin, sebagai salah satu rancangan "Emergency Economic Measures", dengan izin, oleh Kerajaan Jepun untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara membangun.

Dalam mengalu-alukan tawaran Kerajaan Jepun bagi membantu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, ASEAN membuat keputusan untuk mengundang Perdana Menteri Jepun menghadiri satu mesyuarat dengan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila sejurus selepas Sidang Kemuncak ASEAN Yang Ketiga diadakan pada pertengahan bulan Disember tahun ini. Di mesyuarat itu nanti, Perdana Menteri Jepun dijangka akan membuat pengisytiharan rasmi mengenai usaha Kerajaan Jepun dalam membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN.

Sementara itu, Perdana Menteri Jepun, dalam rangka lawatan rasminya ke Thailand pada bulan September baru-baru ini, telah mengumumkan peruntukan sekurang-kurangnya US\$2 billion ataupun M\$5 ribu juta untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian ASEAN dan sebagai sumbangan ke arah pembangunan institusi dan pasaran kewangan ASEAN. Pihak Jepun juga telah menghantar satu "Fact-Finding Mission", dengan izin, ke negara-negara ASEAN mulai 27hb September hingga 9hb Oktober, 1987 untuk mengenalpasti keperluan-keperluan negara-negara ASEAN, terutamanya dari segi pembiayaan sektor perindustrian swasta. "Fact-Finding Mission" itu telah melawat Malaysia mulai 2hb hingga 4hb Oktober, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Negara Penyelaras hubungan Dialog ASEAN-Jepun, Malaysia akan

menjadi tuan rumah kepada satu mesyuarat yang ulung sekali dengan Pakar-pakar ASEAN-Jepun mengenai cadangan bantuan Kerajaan Jepun kepada ASEAN pada pertengahan bulan November ini. Adalah diharapkan bahawa ASEAN dan Jepun akan dapat memutuskan dan mempersetujui satu garis panduan dan rangka kerja umum, mengenai cadangan bantuan tersebut sebelum Perdana Menteri Jepun mengumumkannya di Manila pada bulan Disember ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan Jepun masih mengikat pinjaman yen yang diberi kepada negara-negara ASEAN kepada pembelian barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan dari negara Jepun. Sekiranya ia masih, sama ada Kerajaan Malaysia serta Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain akan meminta Kerajaan Jepun melonggarkan syarat ini memandangkan bahawa surplus Jepun sekarang begitu besar sekali.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak ada kena mengena dengan soalan asal tetapi cadangan Yang Berhormat itu amat baik sekali dan saya jangka pihak negara-negara ASEAN akan mengambil perkara ini untuk dibincangkan dengan pemimpin besar negeri Jepun untuk menimbang semula tentang jadual interest rate ataupun apa-apa ikatan yang dikenakan oleh Kerajaan Jepun tentang apa-apa yang diberikan kepada negara ASEAN.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan awal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Kerajaan Jepun iaitu melalui Perdana

Menterinya semasa membuat lawatan ke Thailand baru-baru ini, mengumumkan penubuhan satu tabung sebanyak \$5,000 juta untuk membantu negara-negara ASEAN untuk menggalakkan perindustrian negara-negara tersebut. Daripada jumlah \$5,000 juta yang akan ditubuhkan ini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita sebanyak mana negara kita akan mendapat peruntukan itu?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan "Facts Finding Mission" daripada Jepun ke Malaysia pada 2hb hingga 4hb Oktober baru-baru ini, pihak negara kita telah pun mengutarakan satu package yang akan bernilai lebih kurang di antara US\$500-US\$600 juta untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Jepun tentang tabung yang telah wujudkan, yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Thailand baru-baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

*(Soalan No. 14. Y.B. Tuan Peter Paul Dason tidak hadir).*

### SEKOLAH MENENGAH BARU DI SARAWAK

**15. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian itu ada rancangan untuk membina banyak lagi Sekolah Menengah, Maktab ataupun Universiti bagi Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima, kerana Sekolah Menengah dan Maktab sangat tidak mencukupi dan tiada satupun universiti di Negeri Sarawak.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan

Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan telah dan sedang membina sebanyak 20 buah sekolah menengah yang baru dan tambahan di seluruh Sarawak.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan tidak ada mempunyai rancangan lagi untuk membina maktab perguruan ataupun universiti dalam Rancangan Malaysia Kelima di Sarawak. Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, terdapat 3 buah maktab perguruan di Sarawak sekarang, iaitu Maktab Perguruan Batu Lintang, Maktab Perguruan Rajang dan Maktab Perguruan Miri dan terdapat juga sebuah kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Sarawak, iaitu terletak di Bintulu. Selain dari itu maktab-maktab perguruan yang lain dan juga universiti-universiti yang sedia ada adalah terbuka kepada semua pelajar dari Sarawak yang layak.

Oleh itu, mengikut keadaan sekarang, kemudahan-kemudahan yang ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan pelajar-pelajar di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa dikhaskan bagi pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut telah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 7, 14, 16 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).*

### PLAZA TOL DI LEMBAH KELANG

**3. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian akan bertolak ansur mencari satu penyelesaian yang munasabah dalam hal bantahan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kenaikan bayaran tol di Federal Route

II, atau tidak. Jika ya, apakah penyelesaian yang sedang dipertimbangkan. Jika tidak, mengapa. Sekiranya plaza tol diadakan, apakah kadar tol yang akan dikutip dalam lima tahun pertama, sepuluh tahun pertama, pada tahun ke 20, menjelang tahun ke 25 hingga ke 30 untuk lebuhraya ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan Negeri Selangor telah membuat bantahan terhadap pengenaan tol di Jalan Persekutuan II, atas alasan boleh menyekat pembangunan bandar Shah Alam dan memberi masalah kepada penduduk-penduduk yang bermastautin di Petaling Jaya, Kelang dan Shah Alam. Sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk membangunkan Lembah Kelang dan sebaliknya tidak bermaksud untuk menyekat Pembangunan Bandar Shah Alam. Keadaan lalulintas di Jalan Persekutuan II itu adalah dalam keadaan sesak dan Pelabuhan Kelang, sebuah pelabuhan yang terbesar mengalami masalah disebabkan oleh kekurangan infrastruktur. Oleh itu Kerajaan bercadang untuk melebarkan jalan itu dari Subang Jaya ke Pelabuhan Kelang kepada 6 lorong.

Persoalan bantahan dan kekeliruan tidak timbul sama sekali jika Kementerian Kerjaraya memberi penjelasan dan perkara itu boleh diselesaikan dengan semangat Barisan Nasional. Saya ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Pembangkang bahawa rakyat sedia menerima pembangunan untuk kehidupan yang baik di masa hadapan.

### CUKAI ATAS KERETA

**4. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia menyemak semula cukai-cukai yang dikenakan ke atas kereta-kereta yang dipasang di Malaysia oleh kerana

cukai-cukai yang dikenakan sekarang ini adalah salah satu yang tertinggi di dunia dan bahawa pemasangan-pemasang kereta tempatan mengalami kemerosotan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Cukai semasa ke atas kereta sama ada yang dipasang di negara ini atau yang diimport siap, telah berkuatkuasa sejak 19 Oktober 1984. Struktur cukai itu adalah selari dengan dasar Kerajaan untuk melindungi industri tempatan di samping menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menjalankan kegiatan pengilangan kereta dan tidak hanya menumpukan kepada kegiatan pemasangan sahaja. Kemerosotan yang dihadapi oleh industri kereta tempatan sekarang ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang membawa kepada permintaan yang lemah. Kemelesetan ekonomi ini telah memberi tamparan kepada semua industri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan berpendapat bahawa kemerosotan yang dihadapi oleh industri kereta tempatan bukan disebabkan oleh struktur cukai sahaja dan oleh itu, struktur cukai atas kereta tidak perlu disemak sekarang.

#### KOPERASI DI SABAH— MENYELAMATKAN

7. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian ini mempunyai rancangan untuk menyelamatkan koperasi-koperasi di Negeri Sabah yang selama ini menghadapi masalah kewangan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak ada mempunyai rancangan penyelamat untuk menyelamatkan mana-mana koperasi, sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Tetapi di bawah Jabatan Pembangunan

koperasi ada satu tabung yang dipanggil "Tabung Modal Pusingan JPK" yang boleh membantu koperasi-koperasi kecil yang kurang modal untuk melaksanakan sesuatu kegiatan atau projek. Koperasi kecil yang dimaksudkan di sini ialah yang mempunyai modal kurang daripada \$250,000.00. Bantuan modal, yang berupa pinjaman mudah, diberi berdasarkan kepada kajian kemungkinan serta faedahnya kepada ahli-ahli. Bantuan pinjaman tidak melebihi \$250,000.00. Setakat ini dua buah koperasi dari Sabah telah pun diluluskan pinjaman berjumlah \$80,000.00.

Kementerian menyedari adanya sebuah koperasi yang telah menerima deposit daripada orang ramai dan sedang menghadapi masalah aliran tunai. Lembaga Koperasi telah dinasihatkan supaya mengadakan perundingan dengan Pendeposit-pendeposit berkenaan untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ini. Tindakan selanjutnya adalah bergantung kepada perkembangan dalam koperasi berkenaan seterusnya.

Tabung Modal Pusingan JPK—Jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Lain-lain ahli terdiri dari wakil-wakil Perbendaharaan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi dan lain-lain.

Kadar Faedah yang dikenakan adalah di antara 0%-6% tertakluk kepada jenis koperasi dan jenis projek. Cagaran bagi pinjaman di bawah \$30,000.00 tidak dikenakan.

Dua Koperasi yang diluluskan pinjaman di Sabah itu ialah Koperasi Serbaguna Peneroka-peneroka Rancangan Klias, Beaufort Bhd.—\$70,000.00 dan Koperasi Serbaguna Klias, Beaufort Bhd.—\$10,000.00.

### MENJAWAB PERTANYAAN MULUT DI DEWAN

**14. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tabiat tidak hadir kebanyakan Menteri-menteri Kabinetnya ke Dewan yang mulia ini semasa soal jawab mulut adalah memalukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini dan sama ada beliau akan mengarahkan Menteri-menteri tersebut berada dalam Dewan semasa waktu soalan terutama sekali apabila soalan-soalan yang ditujukan kepada Kementerian-kementerian mereka berada di bahagian atas kertas perintah bagi hari tersebut yang memerlukan jawab mulut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Para Menteri sentiasa memberi perhatian berat terhadap urusan Parlimen, termasuk menjawab pertanyaan-pertanyaan mulut. Tetapi sekiranya seseorang Menteri tidak dapat hadir di Parlimen, kerana urusan penting berkaitan kepentingan orang ramai, tugas itu diberikan kepada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Amalan ini jelas membuktikan bahawa Menteri-menteri amat berdisiplin dalam pengurusan masa. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu mengeluarkan arahan kerana semua Menteri sudah tahu akan tanggungjawab dan peranan mereka masing-masing.

### KELAHIRAN ANAK PENDATANG HARAM

**16. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kadar kelahiran kanak-kanak yang dilahirkan oleh pendatang-pendatang haram dan pelarian yang tercatat di hospital-hospital di seluruh negeri Sabah pada

tahun 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan setakat 30hb September 1987 dan sama ada benar bahawa bilangan purata kelahiran tahunan pendatang-pendatang haram ini telah meningkat 8%, ini disebabkan oleh sebilangan besar daripada pendatang-pendatang haram ini adalah dalam kumpulan umur perkembangan yang tinggi (High fertility age group). Apakah rancangan dan program yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengawal dan mengurangkan kadar kelahiran yang meningkat ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Semua kelahiran yang berlaku di Sabah, sama ada oleh warganegara Malaysia atau rakyat asing, adalah didaftarkan di dalam Buku Daftar yang sama. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberikan maklumat sepertimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Tanjung Aru mengenai kelahiran di kalangan pendatang-pendatang haram di Sabah.

### CUKAI PENDAPATAN— PENGEQUALIAN

**17. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian beliau mengizinkan sesebuah badan pertubuhan mempunyai sebuah bangunan yang digunakan oleh mereka sendiri dikecualikan daripada cukai pendapatan dan bukan dihadkan kepada satu tingkat dalam sesebuah bangunan sahaja memandangkan seseorang individu dibenar mempunyai sebuah rumah sendiri dikecualikan cukai pendapatan pada masa sekarang. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Terlebih dahulu ingin saya membuat pembetulan bahawa pada masa sekarang tidak ada peruntukan yang menghadkan pengecualian cukai pendapatan kepada satu tingkat dalam sesebuah bangunan yang dimiliki dan

digunakan oleh sesebuah badan pertubuhan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sesebuah badan pertubuhan yang mempunyai sesebuah bangunan yang digunakan sendiri bukan untuk tujuan perniagaan tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan. Cukai adalah dikenakan ke atas "net rateable value" menurut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada masa ini pengecualian cukai hanya diberi bagi sebuah rumah kediaman yang dimiliki dan diduduki sendiri. Bangunan-bangunan yang dimiliki oleh badan berkenaan tidaklah boleh disifatkan sebagai rumah kediaman untuk menikmati pengecualian tersebut.

#### KEMEROSOTAN EKONOMI NEGARA

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan ekonomi negara kini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kemerosotan ekonomi negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Kedudukan ekonomi negara semakin pulih dan terus bertambah baik setelah mengalami kemelesetan pada tahun 1985/1986. Saya telah pun memberi penerangan berkenaan ini di dalam Ucapan Belanjawan saya baru-baru ini. Juga di dalam Laporan Ekonomi 1987/88 Kementerian Kewangan, yang telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, terdapat penerangan-penerangan berkenaan keadaan ekonomi dan usaha-usaha serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Sukalah saya tekankan di sini sekali lagi matlamat kita ialah untuk:

- (1) mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan;

- (2) meningkatkan kecekapan industri;
- (3) memperbaiki kewangan sektor awam.

Oleh itu segala usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan adalah menuju ke arah pencapaian matlamat ini.

#### PETRONAS—PROJEK PENGUNAAN GAS SEMENANJUNG (PGU)

19. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak tawaran tender yang diterima oleh PETRONAS berkaitan dengan projek perundingan pengurusan bernilai M\$47.5 juta untuk memperbesar tempat memproses gas dan terminal eksport di Terengganu bagi Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) Fasa II dan berapa banyak yang ditapis dan dipilih;
- (b) siapakah penender-penender yang telah ditapis; dan
- (c) apakah asas pemilihan Konsortium yang diketuai oleh Perbadanan Kejuruteraan Toyo, Jepun untuk ditawarkan kontrak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Tuan Kasitah bin Gaddam):

- (a) Pihak PETRONAS telah menerima sebanyak 22 tawaran daripada syarikat-syarikat dan konsortium untuk menjadi Juruperunding Pengurusan Projek bagi projek membesar loji memproses gas dan terminal eksport di bawah Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II (PGU—Phase II). Setelah dibuat penilaian yang teliti 5 daripadanya telah dipilih sebagai layak.

(b) Senarai syarikat dan konsortium yang teliti di pilih sebagai layak ialah:

- (i) Malaysia Mining Corporation Bhd/JGC Corporation;
- (ii) Sime Crest Sdn Bhd;
- (iii) Ranhill-Fluor Sdn Bhd;
- (iv) ZMB Corporation Sdn Bhd; dan
- (v) Toyo Engineering Corporation/Tenaga Ewbank Preece Sdn Bhd/United Toyo Engineering (M) Sdn Bhd/United Engineers (M) Sdn Bhd;

(c) Asas pemilihan konsortium yang diketuai oleh Toyo Engineering Corporation adalah seperti berikut:

- (i) menawar cadangan teknikal yang baik;
- (ii) sanggup menerima tanggungan dan jaminan sebagaimana yang disyaratkan di dalam dokumen tawaran;
- (iii) menawar jumlah jam kerja (total manhours) yang munasabah dan berpatutan dan kadar purata jam kerja (average manhours) yang termurah;
- (iv) menawar harga tawaran yang tetap (fixed lump sum price) yang tidak tertakluk kepada kadar pertukaran matawang;
- (v) bersetuju menerima syarat "countertrade" 100% daripada harga kontrak (iaitu \$47.5 juta); dan
- (vi) mengemuka cadangan pemindahan teknologi yang memuaskan.

## PENTADBIRAN KEHAKIMAN

20. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan mengemaskinikan jentera pentadbiran; dan
- (b) adakah keutamaan akan diberikan kepada peruntukan dalam pembelanjaan tahunan (Annual budget) kepada pentadbiran kehakiman daripada peruntukan (allocations) untuk kategori perkhidmatan sosial, jika tidak, mengapa.

### Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Kementerian Kehakiman telah dan sedang melaksanakan berbagai langkah untuk mengemaskinikan jentera pentadbiran sejajar dengan dasar-dasar dan pembaharuan-pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan dengan tujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di Kementerian ini di samping untuk meningkatkan lagi prestasi dan produktiviti. Selain daripada meneruskan usaha-usaha tersebut, bagi mengemaskinikan lagi jentera pentadbiran selanjutnya, Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa-Khas Perjawatan yang dianggotai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, MAMPU dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bagi mengkaji keperluan perjawatan di mahkamah-mahkamah serta juga jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini. Di samping itu Kementerian ini juga sedang menjalankan

kajian untuk mengwujudkan satu Sistem Pengkomputeran keseluruhannya bagi mahkamah-mahkamah bersama-sama dengan pihak MAMPU. Buat sementara waktu para Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung telah pun dibekalkan sama ada dengan Micro-Computer atau Word Processor. Bagi Ibu Pejabat jabatan-jabatan pula, Micro-Computer telah juga dibekalkan.

- (b) Pada masa ini Perkhidmatan Kehakiman sebenarnya adalah di bawah Sektor Pentadbiran dan bukannya di bawah Sektor Perkhidmatan Sosial sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang akan disediakan dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1988 bagi Kementerian ini adalah mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan.

#### BIRO BANTUAN GUAMAN, SABAH

21. **Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan orang ramai yang telah diberi pertolongan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah sejak penubuhannya dan bilangan mereka yang gagal mendapat pertolongan serta sebab-sebabnya.

**Dato' Oo Gin Sun:** Bilangan orang ramai yang telah diberi pertolongan oleh Biro Bantuan Guaman, Cawangan Sabah sejak penubuhannya pada 15-3-1979 ialah 1,007 orang.

Biro Bantuan Guaman tidak mendaftarkan mereka yang tidak layak diberi pertolongan.

Sebab pertolongan tidak dapat diberi ialah kerana mereka tidak berhak mendapat bantuan guaman berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Pemohon tidak mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi membawa, membela, meneruskan atau untuk menjadi suatu pihak dalam perbicaraan itu; atau
- (ii) Pemohon mempunyai pendapatan atau memiliki atau berhak kepada modal boleh guna yang lebih daripada jumlah yang telah ditetapkan oleh Seksyen 15 atau 16 Akta Bantuan Guaman 1971; atau
- (iii) Perkara yang dikemukakan oleh pemohon itu adalah di luar bidang kuasa pengendalian Biro Bantuan Guaman.

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).

#### PELABURAN DARI LONDON, BUDAPEST DAN MOSCOW

23. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat lawatan ke London, Budapest dan Moscow baru-baru ini. Bagaimanakah sambutan negara-negara tersebut terhadap peluang pelaburan di antara negara kita dengan negara-negara yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berapakah jumlah pelaburan yang dilaksanakan di antara Malaysia dengan Russia selama ini.

10-11-87

17. **Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana kejayaan rombongan Perdana

Menteri, termasuk Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Kerjaraya dan Menteri Pengangkutan ke London, Hungary dan Russia dalam usaha menarik pelaburan ke tanahair.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Saya ingin meminta izin supaya soalan pada 10-11-87 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Sik dijawab bersama-sama dengan soalan ini.

- (i) Sambutan dari negara-negara tersebut sangatlah membanggakan. Pengusaha-pengusaha di negara-negara itu telah menunjukkan minat yang mendalam untuk melabur di Malaysia sama ada secara persendirian atau usahasama. Manakala di kalangan ahli-ahli perniagaan, jelas menunjukkan yang mereka ingin melibatkan dengan lebih aktif di dalam pembangunan ekonomi Malaysia.
- (ii) Setakat ini Russia belum lagi membuat sebarang projek pelaburan di Malaysia. Tetapi semasa lawatan dibuat, minat telah ditunjukkan untuk mereka melibatkan diri di dalam bidang-bidang seperti "power" dan "energy", "fertilizers", "chemistry" dan "petrol chemical".

#### PENERBITAN BUKU-BUKU DEWAN BAHASA

**24. Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah tidak begitu berkesan di dalam menjalankan usaha penerbitan dan terjemahan buku-buku sebagaimana sepatutnya. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi

menentukan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dapat memenuhi kehendak Kerajaan dan rakyat di bidang-bidang tersebut.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil langkah-langkah positif bagi meningkatkan lagi prestasinya sebagai penerbit utama buku-buku Bahasa Malaysia. Umpamanya bilangan judul buku pengajian tinggi sama ada buku terjemahan atau buku karya asli yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1975 hingga 1986 ialah sebanyak 380 judul, tetapi bilangan judul yang diterbitkan dari tahun 1986 hingga 1987 telah meningkat kepada 121 judul.

Di antara sebab kelewatan menerbitkan beberapa buku pengajian tinggi, ialah kelemahan mutu terjemahan, kelemahan bahasa dan keseluruhan penulisan yang terdapat pada manuskrip-manuskrip yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga kelemahan-kelemahan editor. Kelemahan ini terpaksa dibetulkan oleh DBP sebelum manuskrip itu dapat diterbitkan.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh DBP ialah:

- (i) meningkatkan kepakaran editor dalam kerja-kerja penyuntingan dan penterjemahan;
- (ii) membina kepakaran penulis dan penterjemahan yang bakal dan sedia ada dan membimbing mereka cara-cara teknik penulisan dan penterjemahan; dan
- (iii) meningkatkan pengetahuan dan kecekapan penggunaan bahasa yang baik di kalangan penulis dan penterjemah.

Lembaga Pengelola dan Pengurusan DBP juga telah diminta untuk mengkaji keseluruhan organisasi DBP dengan maksud memperkukuhkan jenteranya.

### BEKALAN ELEKTRIK DI BANDAR MELAKA

25. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan elektrik kerap kali terputus di bandar Melaka sehingga menjadi kejadian harian dan telah menjejaskan usaha-usaha pembangunan negeri serta menjadikan bandar Melaka sebagai pusat pelancongan dan kalau ia:

- (a) menjelaskan mengapakah kejadian sebegini boleh berlaku tiap-tiap hari;
- (b) mengenalpasti tempat-tempat di mana kejadian ini adalah yang teruk sekali;
- (c) mengapakah sistem pemulihan tidak bermaya atau efektif langsung sungguhpun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan; dan
- (d) apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Pada 14-10-1986, di dalam sidang Parlimen yang lalu, Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan soalan yang sama dan saya telah menjelaskan bahawa LLN pada masa itu sedang membina Pencawang Utama 132KV di Malim Jaya dan ini telah pun mula beroperasi pada bulan September, 1987 ini. Semenjak terlaksananya projek itu gangguan bekalan elektrik daripada Pencawang Utama Jalan Kilang telah banyak berkurangan. Pada masa ini LLN sedang membina Pencawang Utama

132/11KV di Jalan Kilang untuk menstabilkan lagi sistem bekalan di bandar Melaka. Projek yang melelan belanja berjuta-juta ringgit itu terpaksa dilaksanakan berperingkat-peringkat dan memakan masa. Hasilnya akan dinikmati sepenuhnya apabila projek ini terlaksana dalam pertengahan tahun 1988.

### AKAUN MAMINCO

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan kewangan terbaru MAMINCO berkait dengan percubaan Kerajaan dalam tahun 1981/1982 untuk menguasai dan memanipulasi pasaran bijih timah antarabangsa serta kejayaan Kerajaan dalam merekup balik kerugian-kerugian yang dialami dalam operasi tersebut.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun MAMINCO masih lagi diaudit oleh Tetuan Ernst & Whinney. Soalan yang dikemukakan hanya boleh dijawab dengan tepat apabila akaun-akaun ini siap diaudit. Oleh yang demikian Kerajaan akan berbuat demikian sebaik-baik sahaja keadaan membenar.

### BIASISWA ITM—SISTEM PEMILIHAN

27. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar sungutan dari Ahli-ahli Akademik di ITM berhubung peluang mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Apakah sistem pemilihan dan pemberian tersebut. Bagaimanakah dengan pemilihan antara dua orang Pensyarah Kejuruteraan di ITM, di mana dakwaan yang "Junior" telah terpilih sehingga timbul berbagai tohmahan di dalam dan di luar kampus ITM.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pemilihan biasiswa ITM adalah berdasarkan keperluan yang telah dikenalpasti oleh setiap kajian di ITM. Sementara syarat-syarat permohonan ialah calon mestilah di dalam jawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan. Sistem pemberian biasiswa pula adalah melalui proses temuduga dan setiap calon diberikan merit mereka. Melalui sistem merit ini berkemungkinan calon yang lebih "junior" mendapat markah yang lebih tinggi daripada calon "senior" dan calon berkenaan ditawarkan biasiswa keluar negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem berkenaan telah lama diamalkan di ITM untuk mencapai kecemerlangan akademik dan supaya graduan-graduan ITM mendapat pendidikan yang baik hasil dari bimbingan tenaga pengajar yang menunjukkan prestasi perkhidmatan akademik yang baik.

Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (2hb Oktober, 1987)

*Perbincangan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Rantau Panjang dijemput untuk meneruskan ucapan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

3.36 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan perbincangan Belanjawan 1988 di atas ucapan saya petang semalam. Dalam ucapan ini saya suka membangkitkan bahawa kita selalu mendengar di antara tohmah-tohmah dan tuduhan-tuduhan bahawa Kerajaan sekarang ialah Kerajaan sementara, Kerajaan zalim, Kerajaan bankrup, Kerajaan tidak pernah memberi pertolongan kepada rakyat dan bermacam-macam lagi sehinggakan rupa bentuk bangunan Tabung Haji pun menjadi ejekan mereka.

Dengan melalui ucapan mereka apakah ini teguran yang membina ataupun satu perkara yang baik untuk mendapat perhatian ataupun satu teguran semata-mata melepaskan

perasaan sahaja. Lebih-lebih lagi kalaulah ini keluarnya daripada lidah orang-orang mukmin kerana Islam sangat-sangat tidak mahu kita menuduh perkara yang bukan-bukan dan mengejek-ejek akan apa yang dibuat oleh orang-orang lain. Sebagai penjelasan, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda dalam sebuah Hadis, dengan izin, ertinya: "Janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang, jangan kamu membelakangkan orang lain, jangan kamu benci-membenci kepada orang dan jangan kamu umpat, cela setengah kamu kepada setengah yang lain". Lagi pula Allah s.w.t. ada berfirman dalam Al-Quran yang mulia yang ertinya: "Jangan sekali-kali kamu membuat sesuatu dengan melampau batas". Allah s.w.t. tidak suka kepada orang-orang yang melampau batas. Oleh hal yang demikian, apa yang selalu kita dengar tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ini diharapkanlah kepada mereka yang tidak bertanggungjawab supaya perkara ini tidak lagi diulangi di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya perlu membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan Belanjawan ini, iaitu di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu, wujudnya sebuah masjid yang dinamakan Masjid Dhirar. Rasulullah melarang para sahabatnya bersembahyang dalam masjid ini.

Memandangkan di negara kita hari ini wujudnya masjid-masjid, surau-sarau didirikan dengan sesuka hati, tidak mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkenaan dijadikan tempat-tempat bersembahyang Jumaat, sehinggakan di satu-satu mukim wujudnya dua tempat berjumaat dan lain-lain lagi. Dengan wujudnya masjid-masjid dan surau-sarau tempat berjumaat tersebut, perpecahan umat Islam makin ketara, tidak dapat dijalin kembali, malahan

merasakan ibadat orang-orang lain semuanya tidak sah, akidah orang-orang lain tidak betul. Inilah satu penyakit yang sudah merosakkan perpaduan ummah. Dengan berlakunya demikian, diminta mereka yang terlibat merasakan bertanggungjawab, adakah perkara ini kita mahu melihat berterusan dengan tidak dapat diperbaiki lagi di masa-masa yang akan datang. Ingatlah, Allah s.w.t. ada berfirman dalam ayatnya yang berbunyi ertinya: "Mereka yang membina masjid untuk mudaratkan orang lain dan untuk mengingkarikan hak-hak orang lain dan untuk memecahbelahkan perpaduan orang-orang mukmin, menahan supaya mereka tidak lagi melakukan ibadah di tempat-tempat dahulu, mereka bersumpah bahawa mereka juga berkehendakkan kebenaran tetapi Allah s.w.t. menyaksikan bahawa mereka adalah daripada golongan-golongan yang mendusta".

Allah s.w.t. menyeru hambaNya supaya benar-benar mencari keamanan, perpaduan, kemakmuran, sebagaimana ianya bersabda dalam ayat yang memberi erti: "Allah s.w.t. telah menyeru kepada negara yang makmur dan iaNyalah memberi petunjuk kepada sesiapa sahaja yang Ia berkehendaki". Dengan hal demikian diharapkanlah supaya perkara-perkara yang berlaku terutama sekali bagi negeri-negeri di sebelah Pantai Timur, banyak benda ini berlaku di segenap mukim, yang diadakan masjid dan surau dijadikan tempat sembahyang untuk memecahbelahkan di antara umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik pula kepada peruntukan pembangunan Kerajaan 1988, masalah pemulihan tanah-tanah terbiar. Kerajaan telah pun menubuhkan berbagai-bagai agensi Kerajaan untuk melaksanakan tanah-tanah terbiar untuk

menambahkan lagi hasil keluaran negara. Apa yang patut saya menekankan di sini ialah rancangan FELCRA. Kepada rancangan ini diharapkan mengambil perhatian yang lebih lagi supaya rancangan ini dapat memainkan peranan yang lebih untuk mengatasi berbagai-bagai masalah dengan peneroka sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini. Dan lagi segala kemudahan asas di kawasan-kawasan FELCRA hendaklah disegerakan kerana terdapat di setengah-setengah rancangan FELCRA peneroka tidak mahu lagi tinggal dalam kawasan FELCRA hingga meyulitkan pentadbiran FELCRA itu sendiri disebabkan kawasan itu tidak ada kemudahan asas seperti bekalan api, sedangkan di luar kawasan FELCRA yang jaraknya lebih kurang 20-30 depa sahaja telah pun ada bekalan api. Air juga menjadi masalah kepada mereka kerana kawasan perumahan mereka tanahnya berbukit-bukau, menyusahkan mereka hendak mencari air yang lebih selesa kepada mereka. Oleh yang demikian, diharapkan kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang lebih baik lagi kepada rancangan ini di masa-masa yang akan datang.

Kedua, masalah tanah-tanah padi yang terbiar terutama sekali tanah di luar kawasan KADA, didapati juga masalah air tidak seimbang. Ada terdapat di antara kawasan-kawasan bahawa para petani kita berminat menanam padi. Yang selalu menjadi masalah kepada mereka ialah apabila mereka sudah menanam padi, air dalam kawasan padi mereka kering menyebabkan padi mereka tidak subur, kadang-kadang mati begitu sahaja. Ada juga apabila padi mereka menghiju akan mengeluarkan buah, datang pula banjir melandakan sawah-sawah padi mereka, akibatnya padi-padi mereka rosak, tidak mendapat hasil sesuatu pun kepada mereka, sedangkan mereka sudah mengeluarkan perbelanjaan yang

banyak, usaha mereka telah pun sudah banyak, hasil mereka tidak tercapai. Ini juga selalu terjadi di dalam kawasan-kawasan padi yang terbiar di negara kita ini. Diharapkanlah masalah ini akan mendapat perhatian Kerajaan, moga-moga masalah ini dapat diatasi di masa-masa yang akan datang. Umumnya tanah-tanah padi yang terbiar ini diharapkan menjadi perhatian Kerajaan, memandangkan Kerajaan kita terpaksa mengimportkan beras daripada luar negeri setiap tahun menyebabkan wang negara kita mengalir ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung lagi dengan tanah terbiar iaitu tanah-tanah yang patut dijadikan kebun buah-buahan, sayur-sayuran dan tempat ternakan haiwan masih banyak di negara kita ini yang terbiar begitu sahaja. Walaupun Kerajaan kita telah berusaha dengan berbagai-bagai usaha supaya tanah-tanah ini dapat dipulihkan dengan mengeluarkan subsidi baja, subsidi-subsidi benih, subsidi membajak dan sebagainya, malangnya sambutan di kalangan masyarakat tidak begitu baik. Apakah lagi usaha-usaha Kerajaan yang patut dikaji supaya tanah-tanah ini dapat dipulihkan moga-moga Kerajaan tidak lagi mengimport buah-buahan, sayur-sayuran, daging daripada luar negeri. Diharapkan menjadi perhatian Kerajaan dengan membuka kawasan-kawasan kebun buah-buahan, sayur-sayuran dan tempat ternakan haiwan dengan lebih berkesan lagi daripada masa ke semasa. Dan berbagai-bagai kemudahan patut ditambah lagi kepada petani kita untuk memudahkan mereka berusaha dengan tanah terbiar mereka demi untuk menghasilkan bukan sahaja kepada mereka bahkan juga kepada negara.

Apa yang perlu saya bangkitkan di sini lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu

masalah pengangguran. Di negara kita ini nampaknya makin tahun makin bertambah yang menyebabkan membimbangkan negara kita dan juga merunsingkan kepada Kerajaan kita di hari ini. Ini ada berbagai-bagai pendapat. Ada yang menyalahkan Kerajaan kerana tidak berjaya memberi peluang-peluang pekerjaan kepada mereka, ada pula yang menyalahkan penganggur kerana mereka memilih kerja yang baik-baik, ada juga yang menyalahkan dasar pelajaran kerana tidak dapat memberi kemahiran yang cukup dan bermacam-macam lagi. Sepatutnya masalah ini kita mesti tanggung bersama dan tak timbul lagi kerana sikap dan perasaan yang kita tumpu hendaklah kita meluaskan pandangan kita dan bagi pihak Kerajaan dengan kebijaksanaan Kerajaan di hari ini dimintakanlah daripada setahun ke setahun supaya masalah ini dapat diatasi daripada masa ke semasa. Insya Allah moga-moga kalaulah benar-benar kita melakukan sesuatu dengan perasaan yang jujur, ikhlas, insya Allah, Allah s.w.t. akan memberi dan membukakan rahmat kepada kita sekalian sebagaimana ianya bersabda dalam ayat yang memberi erti: "Bahawa di masa kepayahan itu ada pula kemudahan yang akan diberikan".

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu juga saya bangkitkan dalam usaha ini ialah masalah kepada peniaga-peniaga kecil yang mempunyai modal yang begitu sedikit. Diharapkanlah kepada Kerajaan akan memberi perhatian supaya mereka dapat memainkan peranan mereka moga-moga kehidupan mereka dapatlah ditambahkan lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, buat penutup ucapan saya, marilah sama-sama kita insaf dan sedar bahawa negara kita

telah banyak mengalami berbagai-bagai cabaran, satu demi satu cabaran, kejadian hitam telah berlaku, ekonomi tidak stabil, masalah tanah terbiar berluasan, pengangguran juga bertambah dari masa ke semasa, kes-kes rogol menjadi-jadi, memandangkan negara-negara kita berbilang-bilang kaum, berbagai-bagai agama, kebudayaan, keturunan, sama-samalah kita akui, tak perlu lagi kita membangkitkan perkara-perkara yang sudah-sudah, sama-sama kita jaga keamanan negara, perpaduan kaum, mencari untuk kebahagiaan rakyat, berbincang perkara-perkara yang manfaat, menjauhkan kemurkaan, berdoa mengharapkan perlindungan dari Allah s.w.t., dari kita sekalian kerana dariNya kita datang dan kepadaNya kita akan kembali. Segala apa yang kita lakukan akan diperhitungkan di hari akhirat kelak. Dengan ini saya menyokonglah Belanjawan 1988. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.50 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1988 telah dikatakan sebagai satu "non-event" oleh *Business Times*. Ia juga telah menarik sedikit perhatian awam sahaja sekiranya dibandingkan dengan Belanjawan-belanjawan yang lain. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dari penelitian mendalam yang dibuat telah menunjukkan bahawa ucapan Belanjawan 1988 menganalisa kemantapan serta kelemahan ekonomi Malaysia dengan ikhlasnya. Khabar baik dan buruk dilaporkan. Izinkan saya mengucap tahniah kepada Menteri Kewangan serta pegawai-pegawainya.

Tahun lampau ekonomi kita telah mencapai sedikit kejayaan. Pertama, ekonomi telah bermula memulih. Dari

kurang 1% pada tahun 1985 kadar pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat kepada 1.2% pada tahun 1986 dan 2% pada tahun 1987. Kedua, baki pembayaran menjadi "hitam" selepas berada dalam "merah" sejak 1979. Ketiga, Kerajaan membuat pra-pembayaran bagi pinjaman luarnya, dengan itu melindungi nilai kredit negara kita.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, masalah asas masih belum selesai seperti yang dinyatakan oleh Menteri sendiri. Akaun Kerajaan Persekutuan terus berada dalam keadaan merah. Pada hakikatnya ia semakin memburukkan daripada defisit Belanjawan sejumlah \$7.5 bilion atau 11.4% dari Keluaran Negara Kasar kepada \$9.7 bilion atau 13.9% dari Keluaran Kasar Negara. Akibatnya pencari-pencari kerja yang baru tidak boleh mengharapkan kepada Kerajaan sebagai pembekal pekerjaan yang utama. Kadar pertumbuhan ekonomi tidak memadai bagi menyerap tambahan tenaga buruh. Setiap tahun lebih kurang 170,000 orang pencari kerja yang baru memasuki pasaran buruh dalam mencari pekerjaan. Akibat darinya pasukan penganggur semakin membesar.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah masalah asas ini dapat dikendalikan. Pada hemat saya pihak Perbendaharaan ada penyelesaian yang tepat, tetapi malangnya penyelesaian ini masih belum dilaksanakan dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat sedikit ulasan dan syor-syor untuk perhatian Menteri . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tidak cukup kuorum, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak cukup kuorum? Sila bilang, Setiausaha. Sila bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 28 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** 28 orang. Teruskan, Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menteri telah menyatakan dengan jelas dalam ucapan Belanjawannya bahawa peranan Kerajaan dalam ekonomi sedang dikurangkan berperingkat-peringkat. Pada dasarnya Kerajaan tidak akan membuka lagi syarikat awam yang baru di bidang perniagaan yang boleh dijalankan oleh sektor swasta. Sebagai tambahan ia sedang mengambil langkah untuk menutup atau menswastakan urusan perniagaan yang dipunyai oleh Kerajaan yang sedang mengalami kerugian besar. Saya ucapkan syabas kepada Menteri Kewangan.

Dari pengalaman-pengalaman ekonomi yang begitu banyak, baik yang maju mahupun yang sedang membangun, telah menunjukkan bahawa campurtangan negara dalam ekonomi tidak menghasilkan faedah. Di negara China sekalipun sebuah negara sosialis terpaksa mengurangkan peranan negara dalam ekonomi. Izinkan saya menambah bahawa tiada apa yang hendak dimalukan dalam mengakui bahawa adalah satu kesilapan bagi Kerajaan untuk campurtangan dengan begitu mendalam dalam ekonomi, terutamanya semenjak tahun 1970. Setiap negara membangun perlu mempelajari dari percubaan dan

kesalahannya dan Malaysia tidak dikecualikan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Dia minta penjelasan. Boleh beri?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri. Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Goh Cheng Teik:** Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. Pertama, sebab penswastaan dijalankan belum lagi difahami oleh semua. Masih terdapat ramai ahli perniagaan yang berharapan runtuh daripada penswastaan. Dengan demikian mereka mahukan kawalan monopolistic dan jaminan Kerajaan terhadap segala kerugian. Usahawan-usahawan seperti ini tidak menyedari bahawa Kerajaan bertujuan menjual perusahaannya kepada mereka kerana Kerajaan percaya bahawa perusahaan swasta adalah lebih efisien dan dinamik dari perusahaan awam dan pihak swasta boleh mencapai keuntungan yang mana pihak awam telah gagal mendapatkannya.

Saya menggesa Menteri agar menyampaikan mesej ini kepada para usahawan yang ingin membeli perusahaan-perusahaan awam. Sekiranya pemilik-pemilik perusahaan swasta hari esok terus terikat kepada Kerajaan maka penswastaan akan gagal kerana ia gagal mengurangkan tanggungan kewangan sektor awam.

Kedua, keazaman politik untuk melaksanakan penswastaan tidak cukup kuat. Untuk menswastakan

ialah melakukan sesuatu tidak popular kerana ia melibatkan sedikit rasa malu dan ia memerlukan pembuangan perkerja-pekerja. Tetapi pada pendapat saya ia harus dilakukan juga, lebih segera dilaksanakan lebih baik. Sedikit kekandasan mungkin berlaku dalam masa yang singkat tetapi dalam masa yang panjang seluruh negara akan menerima faedah.

Marilah kita toleh ke Barat buat seketika, lihat di Britain. Perdana Menteri, Margaret Thatcher satu ketika dahulu dikritik teruk kerana langkah-langkah beliau yang pahit terhadap ekonomi. Kini ramai dari pengkritik beliau terpaksa mengakui bahawa langkah-langkah beliau yang tidak popular telah menyokong menarik keluar ekonomi Britain dari kesuraman. Izinkan saya mendesak Kerajaan agar mengadakan keazaman politik yang perlu untuk melaksanakan polisi penswastaan ini sepenuhnya supaya Kerajaan Persekutuan dapat mengurangkan lemahnya dan dapat menegakkan keadaan kewangannya.

Menteri Kewangan juga telah menyaran dalam Ucapan Budget bahawa beliau mengharapkan pihak swasta dapat berkembang dengan lebih cergas lagi supaya lebih banyak pekerjaan dapat diwujudkan dan pengangguran tahun ini dijangka melebihi 9%. Malangnya setakat ini perusahaan swasta masih belum menyambut seruan Kerajaan. Di sinilah terletak kekhuatiran yang besar. Bukannya semakin meningkat malah pelaburan swasta dalam sektor bukan petroleum semakin berkurangan sebanyak 6.5% sehingga \$2,200 juta pada 1987. Kecuali terdapat pembalikan yang dramatik pelaburan swasta, perusahaan swasta tidak dapat menguatkan ekonomi pada kadar yang agak pantas bagi menyaingi dengan tahap pengangguran.

Menteri Kewangan mengharapkan projek-projek penggunaan gas, bekalan air desa dan projek lebuh raya di masa akan datang dapat mewujudkan secara langsung dan tidak langsung banyak pekerjaan tidak lama lagi dan dengan itu meringankan sedikit sebanyak situasi pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya izinkan saya menegur Menteri Kewangan agak tidak meletakkan harapan terlalu tinggi. Projek-projek besar ini mengambil masa untuk dilaksanakan dan untuk memberi kesan yang berganda. Sementara itu para penganggur kita akan menjadi tidak sabar dan kurang senang. Ramai dari belia-belia menganggur kita adalah penyara hidup potensi bagi keluarga mereka. Apa yang dapat dilakukan bagi meransangkan tahap pelaburan swasta yang lebih tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya sekiranya saya berucap dengan terus terang dan ikhlas. Saya melakukannya bukan bagi faedah kaum saya sendiri tetapi adalah untuk kebaikan semua kaum terutamanya para penganggur dari semua kaum. Saya ingin menasihatkan Kerajaan Malaysia supaya contohilah Kerajaan Thai dan Indonesia. Buat sementara waktu mengurangkan penekanan tentang pembahagian kekayaan. Memberi penekanan semula tentang pembentukan kekayaan baru dan pekerjaan baru. Seterusnya jika ekonomi tidak berkembang, kita akhirnya akan membahagikan kemiskinan, bukan kekayaan. Kemudian hari kelak apabila ekonomi telah pulih semula, keinginan untuk pembahagian yang berpendapatan yang lebih saksama boleh dijalankan dengan lebih rancak lagi.

Tidak perlu dikatakan keperluan untuk mengurangkan penekanan tentang pembahagian dan memberi

penekanan semula tentang pertumbuhan bagi mendorong pelaburan swasta yang lebih tinggi diiktiraf di peringkat Menteri dan pegawai-pegawai kanan tetapi realisme ini masih belum meresap ke bawah ke peringkat sederhana dan rendah dalam Kerajaan. Izinkan saya menggesa Menteri Kewangan supaya menyampaikan mesej untuk buat sementara kurangkan menekan pembahagian dan menekan semula pertumbuhan kepada semua peringkat baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menggulung saya ingin mengatakan sepatah dua tentang tindakan yang diambil oleh Kerajaan baru-baru ini bagi mengekalkan kesejahteraan dalam negara. Saya ingin bersama-sama Ahli-ahli lain di Dewan yang mulia ini mengucapkan syabas kepada Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara dan lain-lain kerana membatalkan perhimpunan UMNO yang dijadual diadakan pada 1hb November. Sejarah akan ingatkan kebijaksanaan mereka.

Berhubung dengan penahanan termasuk penahanan beberapa anggota Parlimen, Ketua Polis Negara telah berkata dalam TV minggu lalu bahawa Polis akan bertindak terhadap orang politik hanya sekiranya keadaan politik menjejaskan keadaan keselamatan. Marilah kita mengalukan kenyataan ini. Ia menunjukkan bahawa Polis Di Raja Malaysia bersikap profesional dalam kerjanya. Seterusnya saya ingin menggesa polis supaya mempercepatkan siasatannya, membebaskan orang yang didapati tidak melanggar undang-undang dan mendakwa di mahkamah orang yang mungkin telah melanggar undang-undang. Biarlah mereka yang didakwa mengambil peguam untuk melindungi mereka dan biarkan mahkamah membuat keputusan. Sekiranya didapati bersalah, mereka akan

dihukum; sekiranya tidak bersalah, mereka akan dibebaskan. Demikian juga dengan akhbar-akhbar yang mana permit mereka telah ditarik balik, bawa mereka ke mahkamah dan dakwalah mereka seterusnya. Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, keadilan bukan sahaja dapat ditegakkan, malah juga kelihatan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Batu Berendam.

4.11 ptg.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya mengambil bahagian membahaskan usul Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan beberapa isu, sambil mengharapakan isu-isu tersebut akan diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, tahun demi tahun Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita, begitulah juga pada tahun ini. Walaupun Kerajaan telah mengemukakan beberapa galakan kepada pelabur-pelabur dalam dan luar negeri, tetapi ianya tidak lagi mencukupi. Sebagai contoh, Kerajaan telah menghapuskan "excess tax", dengan izin, sebagaimana telah diumumkan oleh Kerajaan, tetapi

ianya terlalu kecil jika kita bandingkan dengan setengah negara-negara jiran seperti Singapura dan Hong Kong. Mungkin dengan penghapusan excess tax akan mengurangkan pendapatan Kerajaan sebanyak lebih kurang \$140 juta setahun, tetapi kalau dibandingkan cukai korporat atau "corporate tax", dengan izin, dengan negara-negara tersebut, cukai korporat negara kita ini masih tinggi lagi.

Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan hendaklah mengurangkan cukai korporat tersebut kepada paras yang lebih rendah lagi, jika tidak pun ianya dapat disamakan dengan Singapura. Saya penuh yakin jika cadangan ini dilaksanakan, lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing termasuk dari Singapura juga akan melabur ke negara kita ini kerana "labour cost" negara kita adalah jauh lebih rendah, ditambah pula dengan insentif-insentif dan galakan yang telah sedia ada. Kestabilan politik negara kita ini, terutama sekali selepas tindakan tegas Kerajaan menahan beberapa orang rakyat negara ini menurut Akta ISA juga memberi keyakinan baru kepada pelabur-pelabur tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan Kerajaan merasakan dengan penurunan cukai korporat ini akan menjejaskan lagi hasil pendapatan negara. Jika ianya berlaku, itu hanya bagi jangka masa yang singkat sahaja. Saya penuh yakin pada jangka masa panjang negara kita akan mendapat pulangan balik daripada pendapatan yang hilang itu kerana jumlah perusahaan akan bertambah berlipat kali ganda. Di samping itu, ianya dapat mengurangkan masalah pengangguran yang sedang kita hadapi hari ini yang akan meningkat ke paras lebih 9% pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulih dan membangunkan ekonomi negara kita ini semua pihak

perlu memainkan peranan. Di dalam hal ini, saya ingin secara terus-terang membuat teguran tentang peranan institusi-institusi kewangan di negara kita ini. Hari ini rata-rata kita lihat, kita baca di akhbar-akhbar begitu banyak sekali syarikat-syarikat terpaksa ditutup, syarikat-syarikat dan pengarah-pengarahnya diisytiharkan mufliis atau bankrap kerana syarikat-syarikat tersebut tidak berupaya membayar semula hutang ataupun pinjaman yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan tersebut. Ini kerana semasa pinjaman-pinjaman itu diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut, nilai harta ataupun nilai saham yang dicagarkan kepada institusi-institusi kewangan itu adalah tinggi, tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi, nilai-nilai tersebut telah jatuh jauh lebih rendah, maka pihak bank bertindak untuk memanggil atau meminta balik si peminjam ataupun syarikat-syarikat tersebut membayar balik hutang-hutangnya. Apabila ini tidak dapat dilakukan, maka bank terpaksa mengambil tindakan undang-undang di mana sepertimana yang saya katakan tadi, banyak syarikat yang terpaksa ditutup.

Kepada saya sepatutnya institusi-institusi kewangan memberi bantuan dan sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk memulih dan menaikkan balik ekonomi negara kita ini, tetapi sebaliknya apa yang dilakukan oleh sebahagian besar institusi kewangan itu ialah melemahkan ekonomi negara kita ini. Sebagai contoh, cubalah kita bayangkan jika sekiranya sebuah perusahaan itu terpaksa ditutup, berapa ramailah pula pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja dan apabila pekerja-pekerja itu diberhentikan kerja, bukan sahaja ia menambah pengangguran yang kita hadapi sekarang ini, tetapi Kerajaan akan rugi kerana tidak dapat memungut hasil kutipan cukai dan sebagainya.

Justeru itu, saya ingin mengesyorkan supaya diadakan "moratorium" sekurang-kurangnya dua tahun untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat ataupun perusahaan-perusahaan tersebut untuk memperbaiki syarikat-syarikat mereka itu. Selain daripada itu juga, saya berharap bahawa institusi-institusi kewangan tersebut janganlah mengambil kesempatan dengan mengenakan "penalty interest" kepada syarikat-syarikat tersebut. Kita difahamkan ada pihak-pihak institusi kewangan yang mengenakan penalty interest sehingga 18% ke 20% setahun kepada syarikat-syarikat yang tidak mampu membayar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah masalah cukai jualan 5% yang dikenakan semula, khususnya kepada bahan-bahan binaan. Ini saya kira satu perkara yang akan merumitkan lagi rancangan Kerajaan untuk membina 80,000 unit rumah murah tiap-tiap tahun selama 3 tahun ini, iaitu 240,000 unit rumah sedangkan pemaju-pemaju hari ini menghadapi berbagai-bagai masalah, sedangkan sebahagian besar pemaju-pemaju hari ini tidak mendapat keuntungan, malah menimpa kerugian, sekarang ini pula Kerajaan mengenakan semula cukai jualan 5% terhadap bahan-bahan binaan ini. Saya berharap Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan akan dapat menimbang semula supaya cukai jualan 5% ini akan dapat dihapuskan, terutama sekali kepada bahan-bahan binaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang ingin saya timbulkan dan saya rasa perkara ini mungkin akan di"politicise"kan, dengan izin, oleh pihak-pihak tertentu, iaitu masalah cukai perjudian. Perkara ini telah saya timbulkan pada masa-masa yang lepas. Sekarang ini kita semua tahu bahawa cukai perjudian dibayar oleh pihak Casino Genting Highlands

ialah \$60 juta setahun, sedangkan kita tahu di dalam jangka masa di mana ekonomi negara tidak mengizinkan, kutipan harian yang dibuat oleh Casino di Genting Highlands ialah \$1 juta sehari, bermakna kutipannya ialah \$365 juta, tetapi cukai perjudian yang dibayar kepada Kerajaan ialah \$60 juta sahaja. Ini satu perkara yang saya rasa harus pihak Kerajaan, khususnya pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri mengkaji semula sistem cukai yang dikenakan terhadap kasino di Genting Highlands itu.

Selain daripada itu juga bercakap tentang perjudian ini, saya ingin secara berterus terang menimbulkan masalah yang menjadi dilema kepada kita semua di dalam negara kita ini. Di suatu sudut Kerajaan sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara kita ini, tetapi di suatu sudut yang lain pula kita mempunyai perjudian-perjudian yang tidak diingini oleh agama Islam kita. Sebagai contoh, selain daripada kasino di Genting Highlands, kita mempunyai perjudian seperti 4 ekor, kita mempunyai perjudian seperti Sports Toto, kita mempunyai perjudian seperti Loteri Kebajikan Masyarakat dan sebagainya dan juga tidak cukup dengan itu, kita juga mempunyai nightclub, discotheque, kedai-kedai arak dan sebagainya.

Di sini saya rasa Kerajaan mestilah berterus terang di dalam melaksanakan sesuatu dasar itu. Adakah kita mahu melihat supaya negara kita ini benar-benar sebuah negara Islam seperti mana yang diidam-idamkan oleh beberapa pihak ataupun kita hanya setakat berpura-pura sahaja? Kalau sekiranya Kerajaan benar-benar ingin melihat negara Malaysia ini merupakan sebuah negara Islam yang tulen maka saya ingin mencadangkan supaya kita menghapuskan sahaja segala jenis perjudian yang ada di dalam negara kita ini. Bukan setakat itu sahaja kita

menghapuskan juga kelab-kelab malam, kita menghapuskan disko, kita menghapuskan kedai-kedai yang menjual arak dan sebagainya. Tetapi saya percaya Kerajaan tidak boleh berbuat begitu kerana hasil pendapatan . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, hendak apa, penjelasan?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bolehkah Yang Berhormat beri peluang untuk penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, boleh beri?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Pada masa Ahli Yang Berhormat itu berucap, puas saya bangun berkali-kali, tetapi tak diberinya. Jadi oleh kerana masa tidak mengizinkan, biarlah saya teruskan sahaja ucapan saya. Ahli Yang Berhormat itu boleh bercakap di dalam Committee stage nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pada jawapan bertulis yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji mengatakan Kerajaan tidak dapat memungut lebihkurang \$5 ribu juta tiap-tiap tahun daripada hasil perjudian haram. Ini saya rasa satu perkara yang harus juga kita sama-sama fikirkan.

Berbalik kepada apa yang saya sebutkan tadi, jika sekiranya Kerajaan mengharamkan ataupun menutup tempat-tempat perjudian, lesen-lesen perjudian dan sebagainya, Kerajaan akan kehilangan hasil pendapatan

yang begitu besar sekali dan bukan itu sahaja, saya rasa risikonya adalah lebih menakutkan kepada kita semua kerana pelabur-pelabur asing tidak akan berani datang ke negara kita ini untuk melabur. Pelabur yang ada di negara kita hari ini pun akan lari ke tempat lain dan pelabur-pelabur tempatan akan melabur ke negara-negara lain. Jadi, dalam hal ini, saya benar-benar berharap supaya Kerajaan dapat membuat pendirian tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyentuh tentang masalah yang kita hadapi hari ini, khususnya tentang penangkapan beberapa tokoh politik dan orang ramai dan juga beberapa orang rakyat Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan juga penutupan tiga buah akhbar tempatan yang dilakukan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas ketegasan Kerajaan dan saya rasa sikap positif Kerajaan itu bukan sahaja dapat mengelakkan pergaduhan kaum bahkan juga ianya akan memberikan nafas baru dan keyakinan kepada pelabur tempatan dan luar negeri untuk terus melabur di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin penangkapan itu kurang digemari oleh segelintir manusia yang mempunyai ciri kepentingan diri sendiri tetapi sebahagian besar rakyat sedar akan kebaikan dari tindakan tegas itu.

Sebagai seorang rakyat yang sedar akan kepentingan negara melebihi daripada segala-galanya, maka saya benar-benar berharap agar Kerajaan akan terus bertindak tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan demokrasi.

Selama enam tahun Kerajaan bersikap liberal, orang ramai

menganggap bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad adalah lemah. Mereka berpendapat Kerajaan tidak berupaya mengendalikan negara kita ini, khususnya berikutan pemilihan pemimpin UMNO pada 24hb April yang lalu.

Parti-parti politik, khususnya DAP dan PAS telah menggunakan beberapa badan pendesak untuk mengutuk dan menjatuhkan Kerajaan, tetapi malang seribu kali malang, niat buruk mereka itu tidak diestuai Allah Subhanahu wa Taala. Hasrat mereka terkubur bersama impiannya yang jahat, langkahnya kecundang, peraturannya hancur lebur. Kesemua ini adalah kehendak Tuhan terhadap pemerintah yang berhasrat jujur kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kumpulan-kumpulan itu dengan dibantu oleh badan-badan antarabangsa mengutuk Kerajaan seolah-olah demokrasi yang kita pupuk dan belai selama ini tidak lagi wujud di negara kita ini, tetapi walau bagaimanapun, saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin kita agar jangan peduli sama sekali di atas anggapan ataupun tuduhan mereka itu. Yang penting bagi kita ialah rakyat negara kita yang majmuk ini akan terus dapat mencapai keselamatan serta kesejahteraan hidup.

Saya penuh yakin Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab bagi menjaga kestabilan dan keharmonian rakyat jelata negara ini. Insya Allah, rakyat akan terus memberikan sokongan penuh malahan yang lebih besar daripada masa-masa lalu pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati dengan ucapan yang disampaikan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Tanjong iaitu Ketua Pembangkang sewaktu membahaskan Usul ini. Beliau khususnya dan rakan-rakannya juga cuba bermain silap mata dengan menonjolkan diri mereka dan parti mereka sebagai jaguh tulen perpaduan dan keharmonian rakyat negara ini. Beliau cuba mempamerkan seolah-olah pergaduhan kaum yang hampir tercetus itu adalah disebabkan oleh perbuatan Kerajaan Barisan Nasional, tetapi mereka terlupa permainan silap mata yang mereka pertontonkan itu adalah sudah terlalu usang bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berfikir dengan fikiran yang waras sambil meneliti dengan sedalam-dalamnya, maka jelas dan nyata bahawa merekalah yang sebenarnya menyemarakkan semangat kebencian di antara kaum di negara kita ini. Saya berani mengatakan ini kerana bertolak dari perbuatan merekalah, maka orang-orang Melayu hampir hilang kesabaran. Saya masih yakin, jika perhimpunan Perpaduan Melayu pada 1hb November lalu diteruskan, bukan 200,000, bukan 500,000, bahkan lebih dari satu juta orang Melayu akan berhimpun. Mereka itu akan datang, walaupun dengan berjalan kaki dan tidak mengharapkan apa pun dari pihak penganjur kerana mereka tidak tahan lagi dengan sikap biadab yang telah dimainkan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengingatkan kepada semua pihak sama ada yang berada di dalam Barisan Nasional ataupun di luar Barisan Nasional bahawa orang-orang Melayu adalah satu bangsa yang amat penyabar tetapi kesabaran mereka ada batasnya. Justeru itu jika mereka tidak mahu melihat bumi ini dibanjiri darah jangannya sekali-kali menimbulkan lagi perkara-perkara sensitif yang telah dipersetujui bersama sewaktu kita menuntut kemerdekaan tanahair 30 tahun yang lalu.

Di dalam ucapan Ketua Pembangkang tersebut, beliau secara terus terang meminta supaya semua pihak terus terang membincangkan masalah yang negara hadapi. Malah beliau ada mencadangkan satu moratorium satu tahun bagi meredakan keadaan. Pokok persoalannya yang timbul dari cadangan itu ialah adakah beliau dan rakan-rakannya di dalam DAP khususnya benar-benar jujur dengan saranannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik saranan tersebut. Sambil itu marilah kita kaji sedalam-dalamnya apakah faktor-faktor atau punca-punca sebenar yang menyebabkan polarisasi kaum berlaku di negara kita ini secara berleluasa. Kepada saya salah satu faktor atau punca sebenar yang menyebabkan polarisasi kaum di negara kita ini ialah berpunca dari sistem persekolahan di negara kita. Sebagai contoh, sekarang ini kita mempunyai Sekolah Kebangsaan, kita mempunyai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Dripada gambaran sekolah-sekolah itu sendiri jelas membayangkan anak-anak kita telah dididik dengan sifat-sifat polarisasi kaum. Apalah salahnya kesemua jenis sekolah itu dinamakan Sekolah Rendah Kebangsaan sahaja kerana kita sedang membina satu semangat kebangsaan ke arah mencapai matlamat mendaulatkan satu rupa bangsa Malaysia. Saya tidak nampak, dengan tidak menyebut Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina maka bahasa ibunda Tamil dan Cina tidak boleh diajar kepada mereka.

Dengan adanya satu jenis sekolah ini maka semua guru-guru sama ada Melayu, Cina ataupun Tamil dapat ditukar atau ditempatkan di semua sekolah. Dengan adanya kaedah ini, dia juga dapat memberi peluang yang

lebih luas kepada anak-anak kita yang sedang belajar di peringkat Sekolah Kebangsaan mempelajari berbagai bahasa. Dalam jangka masa yang panjang apabila anak-anak kita meninggalkan bangku persekolahan mereka dapat memperluaskan pengetahuan serta pengalaman berkenaan dengan resam hidup serta perkara-perkara lain tentang bangsa-bangsa di negara ini melalui Bahasa Kebangsaan, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Saya juga yakin melalui sistem ini juga dapat kita mendaulatkan Bahasa Kebangsaan Negara di samping bahasa-bahasa lain. Cadangan saya ini kalau dipandang dari satu sudut, ianya boleh dianggap sebagai perkauman dan amat sensitif kerana ianya menyentuh hak-hak rakyat negara ini. Tetapi saya benar-benar percaya kalau ianya dapat dilaksanakan maka anak cucu kita akan dapat hidup dengan aman dan lebih tenteram lagi.

Perlu dijelaskan apabila Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu ditutup, Kerajaan perlu pula memberi masa yang cukup di Sekolah-sekolah Kebangsaan supaya murid-murid Cina dan Tamil akan terus dapat belajar bahasa ibunda mereka dan sepertimana yang saya nyatakan tadi ianya pula memberi peluang kepada anak-anak orang Melayu untuk mempelajari bahasa Mandarin dan Tamil. Ianya juga akan memberi peluang kepada anak-anak bangsa Cina khususnya anak Yang Berhormat dari Tanjong dan sebagainya untuk mempelajari Bahasa Malaysia dan bahasa Tamil dan seterusnya memberi peluang pula kepada anak-anak bangsa India bukan sahaja untuk mempelajari bahasa Tamil bahkan juga akan berpeluang mempelajari Bahasa Malaysia, bahasa Mandarin dan sebagainya.

Kalau ini dapat dilakukan, tidak timbul lagi masalah kenaikan pangkat guru-guru sekolah Tamil, Cina dan

sebagainya. Tidak timbul lagi masalah perkauman seperti yang kita lihat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi cadangan saya ini mungkin keterlalu tetapi inilah cara yang sebaik-baiknya untuk menentukan keharmonian hidup rakyat negara kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyentuh satu dua perkara lagi iaitu tentang penubuhan Tabung Perumahan dan Penyusunan Semula Syarikat yang berjumlah lebih kurang \$500 juta. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan khususnya Menteri Kewangan yang dapat memikirkan untuk menubuhkan Tabung seperti ini. Saya kira dengan penubuhan Tabung seperti ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur ataupun usahawan-usahawan khususnya bumiputera untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang hanya tinggal dua tiga tahun lagi.

Saya berharap bahawa pertaburan wang ini akan dapat dilaksanakan dengan adil supaya tidak hanya satu dua syarikat sahaja yang dapat menggunakan wang daripada tabung tersebut. Begitu juga dengan pinjaman kepada penjaja-penjaja kecil yang telah dinaikkan dari \$2,000 ke \$3,000. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar menginsafi masalah kewangan yang dihadapi oleh penjaja-penjaja kecil kita dan saya berharap bahawa Kerajaan akan dapat memberi pertimbangan yang seterusnya untuk menambahkan pinjaman ini daripada \$3,000 ke \$5,000, ke \$10,000 dan sebagainya. Saya percaya dengan penambahan ini maka masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja kita selama ini akan dapat diatasi secepat mungkin yang boleh.

Begitu juga dengan satu perkara yang ingin saya sentuh ialah tentang peruntukan yang diberikan kepada PERNAS sebanyak lebih kurang \$64 juta. Tujuan Kerajaan menguntukkan wang yang begitu banyak iaitu \$64 juta kepada PERNAS ialah bagi mengukuhkan asas ekonomi bagi sektor perdagangan dan perindustrian. Di dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada pihak PERNAS melalui Pemas Trading sebagai contoh untuk mengembangkan sayapnya bukan sahaja di dalam negara kita ini tetapi juga di semua negara di dalam dunia ini. PERNAS boleh memainkan peranan yang begitu besar untuk menentukan supaya sebagai contoh bahan-bahan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang, usahawan-usahawan negara kita ini dapat dipasarkan ke negara-negara luar. Hari ini kita tidak dapat bertanding dengan negara-negara yang maju seperti Jepun kerana usahawan-usahawan dan kilang-kilang yang ada di dalam negara kita ini terlampau kecil untuk membuka pejabat jualan (marketing office) di negara-negara luar. Dengan itu saya sepertimana cadangan saya tadi dengan usaha Pemas Trading membuka pejabat-pejabat di luar negeri maka segala bahan-bahan yang dikeluarkan oleh negara kita ini akan dapat pasaran yang lebih besar lagi.

Selain daripada itu juga ianya akan dapat memberi pekerjaan yang lebih banyak lagi khasnya kepada pelajar-pelajar kita yang sedang menganggur.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bagan Serai.

4.39 ptg.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kali ini lebih memberatkan cara-cara pemulihan ekonomi negara kita. Seperti kata Menteri Kewangan, pertumbuhan yang lebih pesat dalam ekonomi memerlukan pelaburan yang lebih besar dari sektor swasta.

Di sini Yang Berhormat Menteri Kewangan memerlukan pertumbuhan yang menggalakkan dari sektor swasta kalau kita perlu ekonomi negara ini pulih dan berkembang baik. Tetapi kalau dilihat perkembangan dari sektor ini, umpamanya dalam tahun 1986, pelaburan swasta jatuh sebanyak 29.7% dan dalam tahun 1987 meningkat 1.2% dan akan naik kalau diizinkan ke 2.1% dalam tahun 1988. Ketara di sini kejatuhan pada 1986 adalah lebih besar dan effectnya, dengan izin, mungkin sehingga hari ini dan lebih teruk dari kenaikan yang dijangka pada tahun 1988. Melihat jangkaan kenaikan 2.1% dalam tahun 1988 dan perancangan yang disusun oleh Kerajaan dengan projek-projek seperti penggunaan Gas Semenanjung Fasa Dua, bekalan air luar bandar dan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan, kalau dapat berjalan dengan sempurna dan akan dapat menghidupkan aktiviti ekonomi dalam negara ini, projek-projek ini kata Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberi kesan sampingan yang berlipatganda ke atas ekonomi negara.

Kalau jangkaan ini benar dan semua projek yang dirancang dapat

berjalan mengikut jadual, Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu rasa lega dari ragu untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat yang sudah ramai menganggur dalam negara.

Yang Berhormat Menteri Kewangan menampakkan rasa ragu bagi mengatasi pengangguran seperti kata beliau, "Walau bagaimanapun, prospek untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan adalah tidak menggalakkan. Pengangguran dijangka meningkat kepada 9.4% dalam tahun 1988 kalau dibandingkan dengan kenaikan pelaburan 2.1%". Dari hujah ini ketara Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak yakin adanya pelaburan swasta yang baik untuk menyerap bilangan dan peluang dan pekerjaan di dalam negara ini. Kerajaan sendiri akan terus mengurangkan kakitangannya. Ini bermakna negara akan menghadapi dua perkara:

- (i) kurang pelaburan swasta dan
- (ii) tidak dapat mengurangkan pengangguran.

Sungguhpun demikian ketara ada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh daripada pemimpin untuk menarik pelaburan masuk ke negara ini. Kita dengar ada pelaburan yang akan masuk ke dalam negara ini dengan beratus dan beribu juta ringgit, dari Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan dan lain-lain. Dalam Dewan ini pun diberitahu perkara-perkara yang sama. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada rombongan ini yang kembali membawa berita baik dan ada yang tidak baik. Ada juga yang berkata seperti apa yang telah disarankan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, "Ada rakyat Malaysia yang sabotaj usaha-usaha untuk menarik pelaburan ke negara ini". Siapakah rakyat ini dan mengapakah pelabur-pelabur asing . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tertib Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin dari Yang Berhormat dari Bagan Serai, saya tidak mahu kacau, tetapi tidak ada cukup korum. Ini tidak baik sama sekali. Cuma ada 10 orang Ahli . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, jangan komen. Setiausaha, bilang 23 orang sahaja, bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 38 Ahli hadir.*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada 38 orang, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Siapakah rakyat Malaysia ini? Bukan yang keluar tadi, Tuan Yang di-Pertua. Dan mengapakah pelabur-pelabur asing mempercayai orang-orang ini? Apakah lebihnya mereka ini dari pemimpin-pemimpin kita yang berkempen dari luar negeri? Berita seperti ini sekaligus menampakkan seolah-olah orang lain lebih berpengaruh daripada kita sehingga mereka berjaya menyebarkan berita seperti ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh mengatasi cerita ini, mengapa pula berita ini digembargemburkan ketika kita pulang, seolah-olah kita tidak percaya rombongan kita boleh membawa kejayaan. Kalau kita sedar, kalau kita sendiri waham, dalam masalah ini, bagaimana pelabur asing boleh mewujudkan sikap percaya kepada kita.

Sebagai contoh dalam Persidangan CPA baru-baru ini di Kuala Lumpur, katanya ada orang-orang kita sendiri

yang berkempen supaya "jangan mengundi Yang Berhormat Dato' Shahrir, kita lebih suka melihat Shahrir kalah supaya orang lain menang". Ini yang dikatakan pepat di luar, rencong di dalam. Kejadian ini berlaku dalam negeri sendiri. Cerita seperti ini tentu akan dibawa oleh perwakilan lain balik ke negara mereka. Kisah budi kita seperti Mak si Rendang, dagang lalu ditanakkan, kera di hutan di susukan, anak di rumah mati kelaparan. Selain daripada itu, pelabur-pelabur asing juga memerhatikan karenah kita. Kita menyeru PNB melabur di luar negeri, jutawan kita juga turut melabur di luar negeri, di Hongkong, di China, di Australia, di Jepun, di kepulauan Mauritius, Mali dan lain-lain. Di samping itu, kita minta orang lain datang melabur di negara kita. Tentu mereka bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa orang Malaysia lari keluar dan mereka mahu masuk ke dalam.

Cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan melepaskan 3% cukai keuntungan berlebihan kepada syarikat-syarikat besar adalah satu approach yang baik sebagai usaha menggalak pelaburan. Tetapi Kerajaan mesti tentukan pelepasan ini dilabur semula dalam negara ini dan kalau pelepasan ini ataupun keuntungan ini tidak dilabur semula ke dalam negara ini, saya mencadangkan supaya kecualian ini tidak diberikan kepada mereka. Saya percaya kita sudah memberi banyak kemudahan dalam sektor pelaburan dan industri. Berbagai-bagai pelepasan dan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun demikian, peningkatannya hanya 2.1% yang dijangka akan berlaku dalam tahun 1988. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian perlu lebih agresif lagi. Tidak cukup kalau mahu menyeru supaya rakyat menaruh rasa cinta pada negara ini

kalau kasihnya diberi kepada orang-orang yang tertentu sahaja. Mulut menyeru perpaduan tetapi tangan terus menabur racun dan upas.

Kita tidak boleh mengatakan Dasar Pelajaran kita gagal untuk menyatupadukan rakyat dalam negara ini melalui Bahasa Malaysia. Semua pemimpin mahu perpaduan dan terima Dasar Pelajaran Kebangsaan, tetapi terus mahu menghidupkan budaya berpuak-puak dan penggunaan bahasa yang berlainan, unkit-mengunkit dan rasa dendam tidak habis-habis. Kalau kalangan pemimpin menaruh rasa dendam kesumat dan terus mengunkit-unkit itu dan ini, bagaimana rakyat boleh berlepas dari menjiwai sifat-sifat ini.

Waktu kita menerima kemerdekaan dahulu, kita telah bersetuju menghormati yang hak dan memberi apa yang patut kepada individu, tetapi hari ini mereka mengunkit asal usul keturunan Melayu, kedudukan Rajaraja, Bahasa Kebangsaan dengan Bahasa-bahasa Mandarin, Tamil dan lain-lain, Dasar Ekonomi Baru dan peratus bilangan kaum dalam Kerajaan. Bila diunkit-unkit perkara-perkara yang sudah dipersetujui, sudah tentu akan menyemarakkan semangat perkauman dan berpuak-puak. Saya hairan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam ketika mereka mengangguk, mereka menggeleng. Keadaan ini menimbulkan polemik dan situasi pelaburan yang tidak sihat.

Pada satu ketika Yang Berhormat Datuk Mohamed Rahmat terpaksa mengepalai Kumpulan 46 membuat memorandum kepada Perdana Menteri tentang perkara yang diunkit oleh Yang Berhormat Menteri Buruh—sedang bercuti kononnya sekarang ini, tentang keturunan bangsa Melayu. Sesudah perkara itu reda, orang yang sama bergabung pula dengan DAP. Politisaiskan isu bahasa

Mandarin Yang Berhormat dari Pulau tidak lagi mengepalai Kumpulan 46 tetapi Yang Berhormat dari Pekan mengepalai 15,000 Pemuda Melayu menuntut perkara-perkara tertentu supaya dibuat oleh pucuk pimpinan dalam Kerajaan.

Saya mahu mengucapkan tahniah kepada Polis Di-Raja Malaysia yang telah dapat mengesan gejala buruk yang mungkin akan berlaku, membatalkan Perhimpunan 1 November, tidak membenarkan semua perhimpunan berbentuk politik. Kerajaan terpaksa menggunakan ISA untuk mententeramkan keadaan resah gelisah dalam negara ini. Saya menyokong Kerajaan dalam menjaga keselamatan negara ini seperti Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menyokong tangkapan 3 orang EXCO Pemudanya. "Syabas", dalam kata pujangga Melayu, "Ringan sama dijinjing, berat dipikul oleh yang bertiga". Jika orang lain merengkok dalam tahanan, ada orang yang sedang bersenang-lenang, bercuti rehat kononnya setelah mempolitisaikan perkara kecil yang boleh dirundingkan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan perlu beri perhatian dengan orang-orang ini. Penerapan nilai budaya tanpa dendam, penerapan nilai budaya tanpa unkit-mengungkit. Nilai budaya berserta cinta diserapkan ke dalam jiwa mereka, seperti kesetiaan anggota Polis dan Tentera terhadap negara ini. Mereka adalah golongan pejuang yang tidak mengenal penat-lelah. Masa darurat, masa aman mereka sentiasa cinta dan setia.

Kerajaan telah mengambil sikap yang sungguh murni dengan mengadakan peruntukan bagi mengadakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas kepada golongan-golongan Polis dan Tentera

ini. Mereka sangat perlukan kemudahan ini tetapi oleh kerana disiplin, mereka terus memendam rasa. Kita rasa bangga atas sifat sabar yang ditunjukkan oleh Pasukan Polis dan Tentera kita dalam menghadapi masalah kemudahan asas ini. Saya harap kita dapat menyediakan 80% kemudahan perumahan kepada golongan ini dalam tempoh 5 tahun mulai tahun 1988.

Selain daripada itu, kita juga perlu mengkaji peristiwa Adam Jaafar di Jalan Chow Kit. Apakah kesalahan pemerintah yang dibangkitkan oleh Adam? Adakah pemerintah itu Kerajaan atau pemerintah itu pasukannya? Nasib baik kita hanya menemui dengan satu "Adam", tidak 10 "Adam" dalam negara ini.

Negara ini sudah biasa ditipu oleh elit dan jutawan-jutawan yang tidak setia dan kita harap melalui penerapan nilai ini kita tidak akan tertipu lagi. Tetapi kalau kita masih tertipu lagi, maka kita perlu ada undang-undang untuk mengambil, kalau tidak semua, sebahagian daripada harta kekayaan yang dilabur oleh golongan ini di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi yang kaya kita longgarkan syarat pelaburan, pelepasan cukai dan sebagainya dan mengenakan 5%. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Kewangan memperuntukkan \$116 juta untuk basmi kemiskinan dan mengenakan 5% pula Cukai Jualan. Ada baiknya bagi Kerajaan, tetapi menerukkan kalangan yang miskin, kemungkinan juga akan menjejaskan projek-projek pembangunan yang sedang berjalan sekarang.

Saya harap penentuan cukai ini ditimbang semula bagi barang-barang keperluan harian dan pembangunan. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh ubah suai faedah

pinjaman perumahan dalam Budget 1987 pada tahun lepas, saya percaya masih ada masa untuk melihat perkara yang saya bangkitkan ini. Saya khawatir orang miskin membayar Cukai Jualan 5% dan 10% lebih banyak daripada \$116 juta peruntukan membasmi kemiskinan dalam negara. Kalau perkara ini benar, kita bermain wayang dengan orang-orang miskin.

Tentang 5% dan 10% Cukai Jualan ini akan menjejaskan projek-projek luar bandar, saya berharap Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kerjaraya akan mengkaji semula kesan-kesan yang akan berlaku. Dahulu Kerajaan terpaksa membayar gantirugi kerana kenaikan harga barang yang mendadak. Jangan sekali ini Kerajaan terjebak dengan perkara yang sama. Sudahlah projek tidak siap, kontraktor pula yang bankrap.

Hari ini ada kontraktor kecil dan besar yang Kerajaan tidak membayar bayaran kemajuan. Kerja yang disiapkan dalam bulan Mei 1987 hingga sekarang tidak dibuat pembayaran. Kontraktor lambat kita denda, kita lambat bayar buat tidak tahu. Bukan itu sahaja, ada juga kontraktor yang sudah diberi kawasan, yang diberi tawaran, kemudian ditarik balik setelah syarikat yang berkenaan berbelanja untuk persediaan. Dikatakan tidak ada duit tetapi tidak lama kemudian kerja yang sama diberi kepada orang lain. Adakah sebenar tidak ada duit atau tersalah kumpulan?

Kerajaan jangan terlalu menolong yang besar, yang kecil-kecil adalah lebih ramai. Mereka banyak suara dalam sistem demokrasi, kita minta tolong kepada mereka untuk berkuasa, mereka inilah yang perlu diberi pertolongan yang lebih banyak. Kepada petani-petani dan nelayan-nelayan kita yang kita beri subsidi, kemudian kita kata kepada mereka

“bangsa subsidi”. Kepada kilang-kilang kita tidak pernah kata “kilang subsidi”. Petani-petani dan nelayan-nelayan ini semuanya ada maruah dan kebudayaan. Mereka juga tahu berkecil hati seperti kita. Kita jangan anggap mereka malas, sebenarnya ada sabotaj terhadap persatuan-persatuan mereka. Kontrak yang boleh dibuat oleh Persatuan-persatuan Peladang ini diberi kepada orang lain. Rezeki petani pun mereka sanggup sambar asalkan mereka puas.

Saya meminta Menteri Pertanian memerhati dan menolong Pesatuan-persatuan Peladang Kebangsaan, Negeri dan Kawasan dalam usaha menambah peluang kepada peladang-peladang ini. Hari ini ramai peladang yang kurang mempunyai pendidikan tinggi tetapi kalau pengangguran hari ini diserap ke dalam sektor pertanian, kita akan hadapi satu scenario sosial dan budaya dan yang berlainan dalam kalangan petani dan nelayan pada masa yang akan datang. Mereka ini sebenarnya adalah golongan yang menganggur ketika mereka bekerja kerana pekerjaan menjadi nelayan dan petani adalah bermusim. Saya menyeru supaya bantuan akan terus diberikan kepada peladang dan petani kalau sebenarnya kita mahu membasmi kemiskinan dan saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan semua pegawai-pegawainya yang telah memberi pertimbangan untuk membasmi kemiskinan terutama kepada masyarakat luar bandar dalam Budget yang dibentangkan oleh beliau seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Gaya.

4.59 ptg.

**Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya):** Tuan Speaker, saya bangun

mengambil bahagian dalam perdebatan ini dengan masa yang terhad dan izinkan saya menyentuh isu-isu yang bersangkutan-paut dengan negeri Sabah sahaja.

Sesungguhnya amat mendukacitakan bagi rakyat di negeri Sabah, diketahui umum bahawa peruntukan Persekutuan untuk negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima telah dikurangkan. Peruntukan bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah dikurangkan sebanyak 45%.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Baru-baru ini di dalam satu laporan yang disiarkan dalam *Daily Express*, dengan izin, saya memetik sebahagian kecil yang berbunyi:

“The Sabah Electricity Board says all rural electrification projects in the state for the next 3 years have been shelved. Sabah Electricity Board Public Relations Officer, Andrew Tuning says no rural electrification project will be undertaken in Sabah up to 1990 due to lack of funds. He says implementation of projects already listed under the Fifth Malaysia Plan have also postponed. He confirmed the two kampungs, Kampung Monggo and Tinambak Tekokun had been listed under the Fifth Malaysia Plan. However, due to lack of funds, the proposed implementation of these projects had to be shelved. He says Sabah Electricity Board has also been unable to get more funds from the Federal Ministry of National and Rural Development for the period 1987-1990.”

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Parit dan Taliair telah dikurangkan sebanyak 60% dan manakala pengurangan peruntukan

bagi projek-projek infrastruktur sebanyak 44% telah menyebabkan sebanyak 19 projek-projek infrastruktur tergendala. Sektor pelancongan yang merupakan salah satu sumber pendapatan yang terutama dari luar telah tidak cukup diberikan peruntukan langsung. Dengan adanya tanda-tanda yang ekonomi negara telah beransur pulih, adalah diharapkan negeri Sabah akan dapat kek ekonomi yang adil pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah pelarian haram. Biarlah saya ulangi sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini bahawa kedatangan pelarian haram di negeri Sabah telah menimbulkan masalah sosial, ekonomi, kesihatan dan lain-lain aspek negatif kepada rakyat negeri Sabah. Mereka ini telah melakukan pelbagai jenayah seperti menyerang Pegawai Penguatkuasa Majlis Perbandaran yang menjalan tugas, mencuri dan menjadi penyeluk saku di pasar besar Kota Kinabalu. Pemilik-pemilik kereta di negeri Sabah digertak dan kereta mereka dirosakkan sekiranya mereka enggan membenarkan kereta dicuci oleh budak-budak pelarian haram. Adalah tidak munasabah dan adil kepada rakyat tempatan bahawa pelarian-pelarian tersebut diberikan air, elektrik dan pelajaran manakala orang-orang kampung tidak mendapat kemudahan sedemikian. bak kata pepatah, “Kera di hutan disusui, anak di rumah kelaparan”.

Bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan pasukan polis di Sabah ditambah dan menggunakan coastal air-petrol, dengan izin. Penjenayah-penjenayah ini harus dihantar pulang dan dihukum rotan. Pasukan Polis Laut harus ditambah dan dilengkapi dengan kemudahan

yang lebih berkesan bagi membantaras kemasukan pelarian haram pada masa akan datang. Seandainya sesuatu penyelesaian tidak dilakukan sekarang juga, isu ini akan melarat dan kita akan menghadapi satu keadaan seperti, "Nasi sudah menjadi bubur". Kita harus berwaspada bahawa keadaan negara jiran kita yang sentiasa tidak stabil, lebih ramai pelarian yang akan masuk ke negeri Sabah secara haram. Lagi pun manakala isu tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah masih lagi belum padam. Satu hari nanti, apabila kita terjaga dari tidur, bilangan pelarian dari Filipina telah melebihi bilangan negeri Sabah. Justeru itu saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang lebih dan tenaga yang cukup bagi mengatasi isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan rokok di Sabah menjadi satu masalah yang begitu serius. Pekedai-pekedai di Sabah khususnya di Tawau, Sandakan dan Labuan bimbang terhadap penyeludupan berbagai-bagai jenis rokok daripada Indonesia, seperti "Bentol, Suria, Gudang Garam dan DFI Samsu". Rokok ini dijual secara terbuka oleh pendatang-pendatang haram di merata-rata tempat awam. Rokok ini lebih murah daripada rokok-rokok yang dijual oleh pekedai-pekedai. Baru-baru ini, di dalam satu laporan yang disiarkan di *Daily Express*, dengan izin, saya sekali lagi memetik sebahagian kecil yang berbunyi:

"The Sabah Government is losing about \$1.5 million in revenue a month because of increasing cigarette smuggling in the state. The contraband cigarettes are being sold at half their normal or pre tax price. Smugglers control 20% of the cigarette industry in Sabah and the State Government was losing about \$50,000 in revenue daily. Labuan, Tawau and Sandakan were the main

entry points for smuggled cigarettes. Brunei is believed to be the main source of supply of contraband cigarettes which eventually find their way into Sabah through Lawas in Sarawak. The newspaper said, speed-boats plying regularly between Labuan and Brunei were used for the smuggling activities."

Saya harap Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan segera supaya kegiatan penyeludupan rokok di Sabah dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dilaporkan berkata di Sabah baru-baru ini bahawa salah satu sebab bagi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi di Sabah adalah kos kadar elektrik yang tinggi. Sebab-sebab lain adalah kadar air yang tinggi, kadar perpindahan dan pengangkutan yang tinggi dan cukai yang dikenakan ke atas bahan-bahan mentah yang dibawa dari Semenanjung Malaysia. Saya telah menegakkan point-point ini di dalam Dewan yang mulia ini dan sebagai peringatan kepada pihak-pihak berkuasa yang ada kaitan, saya menyeru sekali lagi mengurangkan kadar elektrik bagi negeri Sabah.

Saya juga menyeru supaya subsidi di beri kepada pengimport-pengimport dari Sabah bagi kos perpindahan dan pengangkutan dan menggugurkan cukai-cukai ke atas bahan-bahan mentah yang diimport dari Semenanjung ke Sabah. Walau apa sekali pun, Sabah adalah sebahagian dari negara Malaysia dan adalah sungguh ganjil untuk mengenakan cukai-cukai ke atas barang-barang yang diimport dari satu bahagian negara ke satu bahagian yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bachok.

5.07 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil sedikit kesempatan untuk mengikut serta memberikan pandangan bagi menyokong Belanjawan Negara 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1987 yang lepas. Ucapan ini mengandungi penjelasan-penjelasan mengenai pendirian Kerajaan dalam masalah strategi Belanjawan dan cara-cara mengatasi kesulitan dan kelembapan ekonomi yang masih lagi dihadapi oleh negara kita.

Walaupun boleh dikatakan setiap sudut daripada masalah-masalah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam memberi ucapannya itu, telah pun disentuh oleh berpuluh-puluh orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, baik yang pro mahupun yang kontra, namun satu hal yang tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak jua pun ialah bahawa Kerajaan tidak pernah leka dan alpa daripada menunaikan tugas dan tanggungjawabnya untuk meneruskan pembangunan rohani dan jasmani serta menerapkan nilai-nilai Islam di mana-mana perlu di dalam aspek penghidupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai strategi Belanjawan 1988 yang walaupun pada lahirnya nampak ringkas sekali, iaitu ianya berkisar di sekitar mengukuhkan proses pemulihan ekonomi, meningkatkan kecekapan industri, serta memperbaiki kewangan sektor awam, namun ianya mempunyai pengertian yang sangat padat dan membawa implikasi yang mampu membawa perubahan besar kepada struktur perekonomian negara.

Satu hal yang paling jelas dan perlu disedari ialah bahawa strategi ini

memerlukan pelaksanaan dan penghayatan yang jujur dan menyeluruh dari semua pihak dan segenap sektor dalam negara kita. Walau bagaimana baik dan unggul sekali pun strategi itu, ianya tidaklah mampu berjalan sendiri tanpa pelaksanaan dan penghayatan terutama sekali daripada pihak agensi atau badan-badan yang berkaitan. Oleh yang demikian, walaupun langkah-langkah yang perlu telah diambil untuk memberi penjelasan mengenai strategi ini dan juga perlaksanaannya kepada pihak-pihak tertentu, namun Kerajaan patutlah mengambil langkah di mana dan bilamana perlu untuk membuat tinjauan tentang berkesan atau tidaknya strategi ini di dalam tahun kewangan yang berkenaan. Mudah-mudahan dengan tindakan yang seperti itu tidak sebarang pihak pun yang berani dan sanggup menjalankan sebarang perbuatan yang bercanggah dengan semangat dan aspirasi strategi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sengaja saya menyebut dan mencungkil masalah pelaksanaan dan penghayatan ialah kerana seandainya berlaku satu atau katakanlah dua bentuk penyelewengan dari segi pelaksanaan dan penghayatan itu di setiap sektor, maka mungkin penyelewengan itu akan berjumlah puluhan atau ratusan di dalam tempoh yang sesingkat-singkat ini. Dan katakanlah kejadian seperti itu yang berlaku maka strategi yang begini baik sudah pasti akan terjejas dan tempoh yang kita tentukan untuk mencapai permulaan ekonomi . . . . .

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Larut bangun. Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tidak cukup kuorum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba bilang. 25 Ahli hadir. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa sekarang?

**Setiausaha:** 28.

**Tuan Yang di-Pertua:** 28, sudah cukup. Orang Kedah kata dah kaki kawan. Sila teruskan. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sengaja saya menyebut dan mengungkap masalah pelaksanaan dan penghayatan ialah kerana seandainya berlaku satu atau katakanlah dua bentuk penyelewengan dari segi pelaksanaan dan penghayatan itu di setiap sektor, maka mungkin penyelewengan itu akan berjumlah puluhan atau ratusan di dalam tempoh yang sesingkat-singkat ini. Dan katakanlah kejadian seperti itu ada berlaku maka strategi yang begini baik sudah pasti akan terjejas dan tempoh yang kita tentukan untuk mencapai permulaan ekonomi dan mengatasi semua kelemahan yang berkaitan dengannya akan ikut terjejas juga.

Di antara faktor-faktor penting bagi menjamin pelaksanaan itu ialah wujudnya persefahaman dan suasana saling mengerti dan hormat-menghormati di antara semua pihak dan sektor dalam negara kita ini. Kestabilan politik, keharmonian hubungan antara kaum dan golongan adalah juga merupakan faktor-faktor yang penting di dalam keberhasilan tercapainya matlamat strategi ini dan dengan tercapainya matlamat ini maka bolehlah diyakini bahawa dalam menghadapi tempoh kewangan tahun yang akan datang strategi yang telah

digariskan ini dapat pula disambung dengan strategi yang lebih baik lagi sesuai dengan harapan kita semua untuk mencapai keadilan dalam semua aspek kehidupan terutama sekali aspek kehidupan berekonomi. Dengan penghasilan strategi Belanjawan 1988 ini yang mencukupi kepentingan semua pihak dan kemajuan di bidang industri sebagai hasil dari permulaan ekonomi akan juga diikuti serta oleh golongan-golongan yang belum mampu menceburkan diri di bidang perindustrian. Namun mereka tidak akan merasa terancam, apa lagi teraniaya dengan kepesatan pembangunan industri termasuk industri berat kerana mereka turut diberi jaminan untuk dapat ikut serta memainkan peranan di dalam bidang dan sektor mereka masing-masing tanpa menghadapi sebarang ancaman yang berbentuk monopoli dari pihak mana jua pun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memberikan sanjungan kepada langkah Kerajaan di bidang pelaburan awam, terutama sekali dalam peruntukan pembangunan di bawah perancangan Rancangan Malaysia Kelima yang telah ditambah sebanyak \$2,000 juta itu, maka pelaksanaan projek-projek infrastruktur di kawasan luar bandar perlulah dipastikan pelaksanaannya dalam tempoh yang dicadangkan itu.

Sebagai contoh sektor lalulintas di antara Kelantan dengan Kuala Lumpur yang telah dapat diperdekatkan kira-kira 160 kilometer itu patutlah juga diperbaiki lagi taraf kemudahan jalan raya yang berkenaan, sesuai pula baru-baru ini jalan dari Gua Musang hingga ke Lipis telah diletakkan di bawah bidang Kerajaan Persekutuan. Jikalau dapatlah rancangan ini dimasukkan di dalam senarai keutamaan projek pembangunan Rancangan Malaysia Kelima maka insya Allah matlamat

integrasi nasional dan pendekatan jarak antara rakyat Kelantan khususnya dengan ibu kota negara yang tercinta ini akan dapat diperdekatkan lagi dan tempoh perjalanannya pun tentulah dapat dipendekkan lagi.

Kalau saya meminta pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya lambat-laun jalan itu dapat dimasukkan dalam kategori jalan-jalan tol tertutup, saya kira rakyat negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia tentu tidak akan sampai hati mengambil tindakan yang menggugat populariti Dato' Menteri yang berkenaan. Entahlah kalau Yang Berhormat Dato merasa terkilan dengan berbagai bentuk telatah dengan pihak-pihak tertentu terhadap keputusan yang dibuat mengenai Lebuhraya Utara/Selatan. Walau bagaimanapun, saya pasti bahawa Yang Berhormat Menteri dan juga Kerajaan adalah menitikberatkan soal-soal kepentingan rakyat tanpa menghiraukan gangguan dan telatah-telatah dari mana-mana pihak.

Terlanjur saya menyebut jalan raya sebagai salah satu kemudahan asas di luar bandar maka sukacita saya meminta perhatian Kerajaan supaya dapat diberikan pula tumpuan kepada masalah kesukaran perhubungan yang terus-menerus dihadapi oleh penduduk Kawasan Parlimen saya iaitu Parlimen Bachok setiap tahun, terutamanya menjelang ketibaan musim banjir. Ini disebabkan beberapa batang jalan penting yang menghubungkan Daerah Bachok dengan daerah-daerah yang lain terutama sekali Kota Bharu, ibu dan pusat pentadbiran negeri Kelantan ditenggelami air berhari-hari, bahkan berminggu-minggu lamanya. Inilah menyebabkan beberapa kesukaran terpaksa dihadapi oleh rakyat jelata. Keadaan ini lebih menyulitkan lagi bila mana seperti yang diketahui umum Kawasan Parlimen Bachok yang mengandungi penduduk hampir

90,000 orang belum lagi mempunyai sebuah hospital daerahnya sendiri dan dengan demikian, pada musim-musim tertentu seperti musim banjir ini rakyat yang diserang penyakit yang memerlukan rawatan segera, yang memerlukan rawatan rapi di Hospital Besar Kota Bharu atau di Hospital Universiti USM Kubang Kerian tidak dapat dibawa dengan mudah. Oleh yang demikian, saya mengharapkan pihak Kerajaan dapat berikhtiar bersungguh-sungguh mengatasi dan menyelesaikan kesulitan dan kesukaran yang telah sekian lama ditanggung oleh rakyat kawasan itu dengan memberi keutamaan dalam Belanjawan Negara 1988 ini.

Buat masa ini saya bukanlah bermaksud supaya Kerajaan menambunkan jalan-jalan yang panjang yang selalu ditenggelami air itu, akan tetapi meminta Kerajaan membaiki, menyudah dan mengtarkan beberapa batang jalan-jalan lain yang boleh digunakan oleh rakyat jelata sebagai jalan pilihan untuk dapat bergerak di dalam kawasan itu, lebih-lebih lagi untuk menjadi jalan utama keluar ke Kota Bharu, ibu dan pusat pentadbiran negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak juga bermaksud menyenaraikan nama-nama jalan di dalam peringkat perbahasan ini. Seterusnya peruntukan sebanyak \$210 juta untuk pembinaan kemudahan pendidikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa jumlah ini diperuntukkan kepada kemudahan seperti sekolah-sekolah, hostel-hostel dan kampus universiti, maka sukacita saya meminta perhatian Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya Kampus Akademi Islam Universiti Malaya di Bachok yang telah terpaksa tidak dapat dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu itu dapatlah kiranya diberi laluan supaya ianya menjadi suatu kenyataan yang bukan sahaja dapat

memberi khidmat kepada tugas peningkatan pengajaran Islam, tetapi juga ikut memberikan penghormatan kepada penduduk-penduduk setempat yang telah lama menunggu-nunggu pelaksanaan rancangan yang boleh dikatakan separuh dijanjikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal kemelesetan ekonomi dan pengangguran yang masih lagi terpaksa dipikul oleh sesuatu golongan anggota masyarakat kita, maka izinkan saya memohon perhatian pihak yang berkenaan terhadap nasib yang menimpa golongan yang terlibat dengan perusahaan menanam tembakau yang selama ini merupakan salah satu sumber penghasilan yang lumayan kepada sebahagian penduduk-penduduk di negeri-negeri Pantai Timur, terutama sekali di negeri Kelantan yang sejak beberapa ketika yang akhir ini menghadapi masalah yang melibatkan terancam sumber penghasilan pihak berkenaan dan bertambahnya jumlah pengangguran yang sedang melanda sebahagian rakyat negara kita sekarang.

Hal ini ialah terdapat beberapa kalangan pengawet tertentu yang sengaja melambat-lambatkan bayaran daun tembakau basah atau daun tembakau hijau kepada penanam-penanamnya. Mengikut kebiasaannya bayaran itu dilakukan tidak lewat dari seminggu, tetapi sehingga sungutan-sungutan dibuat oleh setengah-setengah penanam baru-baru ini, masih ada lagi mereka yang belum menerima sepenuhnya bayaran harga daun basah yang dihasilkan dalam musim yang lalu. Kadang-kadang terdapat setengah-setengah kalangan pengawet meletak ataupun menentukan gred daun tembakau tidak mengikut grednya yang sebenar, menyebabkan para penanam berkenaan mengalami kerugian yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang musim menanam sekarang, menabur benihnya dari 15hb Oktober hingga 15hb November ini, satu masalah lagi sedang timbul. Masalah-masalah itu ialah setengah-setengah pengawet tembakau telah mengambil tindakan memberhentikan pekerja-pekerja yakni penanam-penanam dalam bentuk memotong nama setengah-setengah penanam tertentu daripada senarai penanam tetap bagi sesebuah syarikat itu. Ini menyebabkan sebahagian penanam-penanam itu sekali lagi kehilangan mata pencarian dan mengalami berbagai kesulitan. Oleh yang demikian sukacita saya meminta pihak berkenaan supaya mengambil langkah-langkah berkesan sebelum terlewat dengan mendaftar semula atau mengambil semula penanam-penanam yang telah dicadangkan untuk diberhentikan kerja itu menjadi penanam atau buruh dalam syarikat-syarikat pengawet berkenaan masing-masing. Saya mencadangkan supaya sebelum tindakan yang diambil itu sampai ke tahap memecahkan periuk nasi orang-orang yang malang itu, maka eloklah sebagai tindakan permulaan dikurangkan jumlah bilangan pokok yang ditanam itu sahaja. Oleh kerana kawasan parlimen Bachok merupakan satu kawasan yang cukup baik bagi penanam-penanam tembakau dan ramai penduduk-penduduknya mendapat manfaat daripada hasil tembakau maka saya menyeru dan mengharapkan seluruh pihak-pihak yang terlibat dengan penanaman tembakau, khususnya di dalam kawasan Parlimen Bachok supaya masing-masing pihak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan menjaga hati dan perasaan masing-masing pihak dengan jujur dan ikhlas dalam segala tindaklaku. Mudah-mudahan segala hasil yang diperolehi oleh masing-masing pihak akan memberi manfaat dan keberkatan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau. Bolehkah Yang Berhormat hadkan kepada 20 minit? Boleh ya? Terima kasih.

5.23 ptg.

**Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut sama di dalam Dewan yang mulia ini bangun bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1987 yang lalu.

Belanjawan 1988 serta Laporan Ekonomi 1987/1988 jelas menggambarkan bahawa kedudukan ekonomi negara masih terus berada dalam kemelesetan. Belanjawan yang dibentangkan itu tidak banyak bezanya dari apa yang telah dibentangkan pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah adalah sentiasa mengajar kita supaya tidak pandai berbohong. Tetapi manusia yang tidak mahu belajar daripada sejarah, manusia pula selalu lupa kepada akibatnya. Amalan yang tidak sihat yang semakin berkembang secara terbuka sejak akhir-akhir ini adalah sangat membahayakan negara. Rakyat sudah pun diberi kefahaman dan falsafah Rukunegara yang diisytiharkan pada 30hb Ogos, 1970 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini tidak sepatutnya lagi dibawa ke kancha politik perkauman dengan bertujuan bagi mendapat pengaruh. Sifat kesederhanaan adalah amat perlu bagi kita semua memupuk semangat bertolak ansur dan tidak mementingkan kaum sendiri, supaya dapat mengelakkan tuntutan yang bukan-bukan serta di luar batas yang boleh menyinggung perasaan kaum. Kita perlu menyemaikan lebih banyak

perpaduan sebagai bekal kepada generasi muda. Kita adalah percaya bahawa seluruh masyarakat di negara ini adalah mahu hidup dalam rukun aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan fakta inilah, seluruh rakyat di kawasan saya, terutama sekali orang-orang Melayu dan Ahli UMNO Bahagian Balik Pulau, menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang Kerajaan yang telah mengambil tindakan tegas terhadap golongan pelampau baru-baru ini. Sepatutnya tindakan itu diambil lebih awal lagi agar bibit-bibit perkauman dapat dibendung atau api yang boleh menyemarakkan perasaan salah faham dapat dicegah dengan segera. Langkah tegas Kerajaan itu mestilah dianggap sebagai satu peringatan dan amaran kepada anasir-anasir yang semata-mata mementingkan perjuangan politik mereka yang sempit tanpa memikirkan keharmonian hidup rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara bagi tahun 1988 bolehlah disifatkan sebagai Belanjawan yang berhati-hati serta tidak pula membebankan rakyat, khasnya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Belanjawan ini adalah mengambil kira masalah kewangan serta keperluan bagi meningkatkan pengeluaran, pelaburan serta mengatasi pengangguran. Hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kadar gaji permulaan bagi kakitangan awam yang baru diambil bekerja, perlulah bagi Kerajaan membuat kajian secara mendalam agar akibat yang buruk kemudian nanti tidak akan berlaku. Implikasi kelembapan ekonomi dunia yang kemudiannya, membawa kesan dan terjejasnya ekonomi negara, di mana pencapaian dari segi pertumbuhan berikutan penurunan harga minyak dan barangan adalah masih mengecewakan.

Keluaran Dalam Negara Kasar juga berada ditahap 2% berbanding 7.2% pada tahun 1979 hingga 1983. Walau bagaimanapun satu perkembangan yang amat menggalakkan kepada Malaysia ialah adanya pemulihan harga-harga komoditi yang merupakan tulang belakang ekonomi negara, di mana harga getah asli kini mencapai paras tertinggi iaitu paling tinggi sejak tahun 1971. Begitu juga dengan minyak kelapa sawit telah juga mencatat kepada harga yang memuaskan kepada negara kita. Hutang negara yang dikira sebagai bebanan yang dipikul sekarang ini adalah disifatkan sebagai salah satu yang tertinggi. Dengan adanya hutang sebegini besar, sudah ternyata tidak mampu untuk berhutang lagi bagi tujuan dan maksud membiayai projek-projek pembangunan semata-mata untuk sektor awam atau swasta.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi diramal bila ekonomi akan dipulih secara keseluruhannya. Oleh itu Kerajaan hendaklah menyusun langkah-langkah untuk meransangkan lagi pertumbuhan dan perlulah diselaraskan pertumbuhan ekonomi negara dengan penekanan diberikan kepada sektor swasta yang nampaknya masih lembab dan lambat bangun setelah dihimpit kemelesetan tersebut.

Berbagai cara dan langkah pihak Kerajaan hendaklah memperkenalkan bagi pelaburan untuk negara ini. Di samping memperbaiki memulih ekonomi negara, maka Kerajaan hendaklah mengambil kira langkah-langkah positif bagi mengurangkan bilangan pengangguran di negara ini yang mana ianya sudah mencapai tahap yang merunsingkan kita semua.

Adalah dianggarkan bagi tahun 1988 sahaja sejumlah lebih kurang 49,000 bilangan siswazah menganggur. Jumlah ini tidak kira mereka yang gagal atau lulus Tingkatan Lima dan Enam. Usaha Kerajaan memberi

keutamaan untuk membangun dan mendirikan industri-industri kecil dan sederhana adalah dialu-alukan. Usaha-usaha serta perhatian mengenai mendirikan atau mengadakan industri hendaklah dipertimbangkan kepada kawasan yang belum lagi membangun, agar masalah sosio-ekonomi akan dapat sama-sama dirasai oleh mereka yang belum pernah menikmatinya. Dengan hal yang demikian, tenaga belia tempatan tidak akan berhijrah ke bandar-bandar lagi bagi mencari pekerjaan. Kemasukan pendaatang-pendaatang haram dari beberapa buah negara jiran adalah menyebabkan ada di kalangan pekerja tempatan atau pribumi sendiri yang menjadi penganggur. Pihak majikan lebih gemar mengambil pekerja-pekerja dari pendaatang haram, kerana gajinya yang rendah.

Berkaitan dengan ini, kemungkinan Undang-undang Immigration negara kita begitu longgar atau sengaja diperlonggarkan atau adanya kecuaiian pihak kakitangan yang diberi tanggungjawabnya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak boleh menolak adanya ciri-ciri positif dalam dasar pendidikan kita. Oleh itu, perlulah dikaji dari semasa ke semasa agar ianya sesuai dengan citarasa, keperluan dalam saat menghadapi gejala pengangguran sekarang ini. Kita berbangga dengan kewujudan KBSR dan KBSM, tetapi masih banyak ruang boleh dibaiki. Dalam hubungan ini ialah isu pengangguran, dasar pendidikan dalam perancangan masa depannya akan turut menambah bilangan pengangguran. Oleh itu kalau boleh perbanyakkanlah sekolah-sekolah vokasional di setiap daerah yang kini terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil yang datang dari kawasan luar bandar, adalah mengalu-alukan hasrat

Kerajaan bagi meneruskan memberi bantuan dan perhatian kepada sektor pertanian. Wang sejumlah kira-kira \$1.4 ribu juta itu atau kira-kira 21 peratus daripada perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1988 diperuntukkan bagi pembangunan tanah, pembangunan wilayah dan pembangunan pertanian bersepadu.

Sekarang ini ada sejumlah kira-kira 124,000 hektar tanah sawah yang terbiar. Daripada jumlah itu 91,000 hektar tanah terbiar sepanjang musim, manakala 34,000 hektar sawah tanah terbiar di luar musim. Di Negeri Pulau Pinang sahaja hampir lebih kurang 7,500 hektar yang kebanyakannya dimiliki oleh orang-orang Melayu perlulah diberi perhatian yang agak serius oleh agensi-agensi Kerajaan. Kiranya ini tidak dapat diatasi masalah kemiskinan masyarakat Melayu bertambah buruk. Cara yang senang dan mudah ialah jual sahaja tanah-tanah tersebut.

Adalah dicadangkan bagi mengatasi masalah sawah terbiar ini, ialah memberi kepada sektor awam memilih dan mengambil tenaga penganggur yang sesuai dengan agensi Kerajaan bagi dipulih atau diusahakan. Saya percaya rancangan ini sudah pun ada, akan tetapi masih banyak lagi ruang yang boleh mengurangkan beban Kerajaan. Selain daripada IADP atau Pembangunan Pertanian Bersepadu ialah memainkan peranan penting dalam masalah ini.

Bagi mewujudkan ekonomi nasional yang luas boleh menghasilkan bukan sahaja untuk pasaran luar, walaupun pasaran luar tidak harus kita lupakan, tetapi untuk bangsa dan rakyat kita dari bidang ekonomi perlu dijaga. Kerajaan hendaklah melihat rakyat dalam setiap masa akan boleh mendapat pembekalan makanan yang cukup. Rakyat dalam setiap masa akan mempunyai pekerjaan atau punca pendapatan yang cukup untuk

menampung kehidupan di atas garis kemiskinan ini. Ini adalah dua faktor atau dua pokok ekonomi rakyat yang perlu diatasi. Sekiranya Kerajaan dapat memenuhi keperluan yang disebutkan ini, bukan sahaja negara berada dalam aman malah perpaduan akan lebih erat lagi. Ini adalah sesuai dengan dasar pertanian negara yang diumumkan pada tahun 1984 yang lalu, berazam bagi memoden dan mempergiatkan semula sektor pertanian yang telah merosot itu, di samping untuk meningkatkan pendapatan daripada kegiatan pertanian ke paras yang maksima menerusi penggunaan sumber-sumber secara cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor ini kepada pembangunan ekonomi keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil dari kawasan Balik Pulau, saya merayu supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA yang diwujudkan pada tahun 1983 yang bertujuan mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi dan sosial bagi kawasan luar bandar di Pulau Pinang itu di mana kawasan operasi PERDA yang masih belum diwartakan lagi oleh Kerajaan adalah perlu disemak dan dikaji semula oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan Kerajaan Pulau Pinang. Namun begitu, PERDA telah pun mengenal pasti beberapa kawasan di seluruh Pulau Pinang untuk dimajukan di bawah Pelan Induknya. Atas kehendak dan kemahuan masyarakat Melayu Pulau Pinang supaya kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas yang sebahagian daripada kawasan Parlimen Balik Pulau itu hendaklah dimasukkan ke dalam pelan induk PERDA. Jika tidak masyarakat Melayu di kawasan Bayan Lepas akan jauh ketinggalan daripada kawasan-kawasan lain dan tidak akan merasai kemudahan-kemudahan yang diberi oleh PERDA itu, kerana kawasan ini dalam kawasan

kosmopolitan. Lagi pun kawasan kosmopolitan yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri itu adalah tidak sesuai dan tidak secukup dengan budaya bangsa dan masyarakat Melayu yang penuh dengan tradisi itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1988.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Gajah.

5.35 ptg.

**Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan tahun 1988. Menteri Kewangan dalam bahagian akhir ucapannya telah berkata:

"Janganlah kita ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama dan bermain api dengan isu-isu sensitif. Kita perlu sedar sepenuhnya tentang bahaya yang kita hadapi. Dalam sejarah masyarakat berbilang bangsa, satu tindakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab boleh mencetuskan ketegangan kaum dan kekacauan. Jika ketegangan tidak dikendalikan segala yang kita bina sebelum ini akan hilang dalam sekelip mata sahaja. Keutamaan kita pada masa ini seperti pada beberapa tahun yang lepas ialah untuk memulihkan ekonomi negara".

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan. Saya percaya Menteri Kewangan adalah serius dan memercayainya sendiri kata-katanya itu dan disebabkan ini, saya mencadangkan bahawa beliau hendaklah menambah strategi Belanjawan tahun 1988 yang

terkandung dalam perenggan 14 ucapannya perkara-perkara berikut:

- (1) mengingatkan dan menuntut Menteri Pendidikan supaya mengkotakan janji manifesto Pilihanraya Umum 1986 Barisan Nasional mengenai isu perlantikan dan kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berpelajaran Cina menjadi penolong kanan atau guru besar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina;
- (2) memujuk ekstrimis-ekstrimis UMNO supaya jangan menganjurkan perhimpunan untuk menaikkan perasaan musuh-musuh dan sakit hati kaum;
- (3) mengecam seruan Menteri Besar Selangor supaya hapuskan bangsa Cina serta ucapan-ucapan lain yang disampaikan oleh orang-orang racialist di Stadium TPCA dan Pusat Dagangan Dunia Putera Kuala Lumpur;
- (4) mengecam ucapan berbau perkauman yang disampaikan oleh Setiausaha Agung UMNO di Stadium TPCA seperti yang dilaporkan dalam akhbar Watan keluaran 24-10-87;
- (5) memastikan pentadbiran Barisan Nasional tidak akan mencipta skandal-skandal lain serta menghukum semua pesalah-pesalah yang bertanggungjawab ke atas skandal-skandal yang telah berlaku supaya dengan berbuat demikian dapat kita mewujudkan sebuah Malaysia untuk rakyat Malaysia atau Malaysian Malaysia. Dan iklim ekonomi yang stabil untuk pelabur-pelabur tempatan dan asing sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi yang perlu dibuat

selepas kemelesetan ekonomi. Dengan berbuat demikian, dapatlah kita merialisasikan perenggan 80 Belanjawan tahun 1988 yang memang diinginkan oleh semua rakyat Malaysia sejak 31hb Ogos 1957;

(6) menyekat polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pemimpin-pemimpin seperti Menteri Pendidikan, Menteri Penerangan dan Menteri Belia dan Sukan di mana ada campur dan menimbulkan isu-isu yang sensitif harus ditangkap dan ditahan tetapi sehingga hari ini tindakan yang telah diambil di bawah ISA menangkap dan menahan tokoh-tokoh DAP dan lain-lain di mana beliau sehingga hari ini langsung tidak menimbulkan isu-isu yang sensitif. Saya harap Kerajaan boleh mengkaji hal ini dan bukan menggunakan ISA untuk menyiksa rakyat seolah-olah isu-isu sensitif telah diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran yang kian meningkat serta kesulitan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan adalah bukti akan kegagalan dasar-dasar Barisan Nasional untuk mentadbir negara ini. Ketidakupayaan Kerajaan Barisan Nasional untuk merumuskan dasar-dasar yang adil serta pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru seperti diakui oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional telah melunturkan keyakinan sektor swasta terhadap Kerajaan. Lebih kurang 700 agensi perbadanan-perbadanan awam dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyaingi dengan sektor swasta tidak pula menggalakkan sektor swasta untuk melabur di sini. Maka Kerajaan hendaklah menyalahkan dirinya kerana kekurangan berterusan pelaburan tempatan serta kadar pengangguran yang dijangka melebihi 9% tahun ini dan kepada lebih 9.4%

dalam tahun 1988. Kecuali pendatang-pendatang haram dicegah daripada memasuki negara kita, mereka akan terus menafikan rakyat Malaysia pekerjaan-pekerjaan di dalam kedua-dua sektor—pertanian dan pembinaan, dan disebabkan ini masalah pengangguran akan bertambah buruk:

Masalah pengangguran yang kian meningkat ini diburukkan lagi oleh pihak berkuasa yang relevant yang melambatkan kelulusan bagi lesen-lesen pinjaman-pinjaman dan tapak-tapak yang cukup untuk peniaga-peniaga kecil dan perniagaan serta kegagalan dan keengganan Kerajaan Negeri untuk menerokai tanah baru untuk tujuan komersial dan pertanian serta juga untuk memulihkan tanah-tanah terbiar. Di sebaliknya, Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengurniakan tanah Kerajaan kepada nominee-nominee politiknya untuk ditukar syarat menjadi tanah bagi perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran-anggaran yang tidak tepat yang dibentangkan di Dewan ini apabila Belanjawan tahun 1987 dibentangkan tahun lalu, seperti diakui dalam Perenggan 11 dan Perenggan 48 Belanjawan tahun 1988, ketidakseimbangan besar dalam hasil yang kian meningkat serta perbelanjaan-perbelanjaan untuk menaikkan secara tiruan pasaran saham sebelum perhimpunan Agung UMNO awal tahun ini dan lain-lain urusan bersifat "hanky-panky", dengan izin, Kerajaan Barisan Nasional telah mengenakan beban ke atas perbelanjaan awam. Kerugian wang awam dan kenaikan dalam tahap hutang yang dihadapi oleh negara dan kerana birokrasi atau "red-tape" telah menghakiskan keyakinan awam dan antarabangsa terhadap pengurusan ekonomi yang dilakukan oleh Barisan Nasional. Anggaran-anggaran dan ramalan-ramalan dalam Belanjawan

tahun 1988 dan Laporan Ekonomi tahun 1987/88 tidaklah boleh dipercayai atau "credible".

Parti DAP menyeru Kerajaan memastikan bahawa para penyeleweng-penyeleweng tidak akan mempengaruhi pelaksanaan Belanjawan tahun 1988, khasnya peruntukan sebanyak \$4.2 billion yang diperuntukkan untuk tujuan pembasmian kemiskinan di bawah DEB kerana kemiskinan merentasi kaum. Kemiskinan juga wujud dalam kawasan-kawasan urban, ladang-ladang dan kampung-kampung baru.

Laporan Ekonomi tahun 1987/88 mengandungi anggaran-anggaran dan ramalan-ramalan yang bertujuan menggambarkan ekonomi sebagai sihat dan "rosy", sedangkan ia tidak sihat dan "rosy" dengan begitu banyak hutang, seperti tertera dalam Belanjawan tahun 1988. Ekonomi kita hanya boleh kukuh dan kepentingan rakyat kita terpelihara sekiranya terdapat kestabilan politik. Ini hanya boleh dicapai dengan pembasmian polarisasi, bukan dengan menimbulkan isu-isu perkauman semata-mata untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam UMNO antara Team A dan Team B atau mungkin Team C.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya menarik perhatian Dewan ini kepada Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan pada 19hb Oktober di Dewan ini. Di setiap muka surat ada laporan yang di mana adalah dinyatakan badan-badan Kerajaan tidak ikut nasihat atau arahan daripada Ketua Audit. Contohnya adalah seperti di Perenggan 106, dan dengan izin, saya baca:

"Dari 74 Majlis Daerah atau Tempatan di Semenanjung Malaysia, satu telah dilaporkan sehingga tahun 1984, lapan sehingga tahun 1983, 11 sehingga

tahun 1982, 12 sehingga tahun 1981, 13 sehingga tahun 1980 dan 29 sebelum tahun 1980. Enam penyata bagi tahun 1984, lima bagi tahun 1983, tujuh bagi tahun 1982, lapan bagi tahun 1981, enam bagi tahun 1980 dan tiga bagi tahun 1980 sedang diaudit. Kebanyakan Majlis tidak mengemukakan penyata-penyata mereka untuk diaudit. Terdapat 67 penyata bagi tahun 1984, 60 penyata bagi tahun 1983, 46 penyata bagi tahun 1982, 34 penyata bagi tahun 1981, 23 penyata bagi tahun 1980 dan 14 penyata bagi tahun sebelum 1980 yang belum diserahkan untuk auditan."

Tuan Yang di-Pertua, ini salah satu contohnya. Bila kita baca laporan ini di setiap muka adalah boleh dikatakan semua Jabatan-jabatan Kerajaan atau Kementerian tidak ikut arahan atau nasihat daripada Ketua Audit. Walau bagaimanapun, Ketua Audit telah beberapa kali mengarah mereka ikut peraturan-peraturan Audit di mana dalam masa 2 bulan harus dihantar kepada Ketua Audit untuk diaudit.

Lagi satu contoh yang ingin saya memberi mengenai Kementerian Luar Negeri dalam Perenggan 64, muka surat 42, Tuan Yang di-Pertua, di mana adalah dinyatakan:

"Ambassador yang dihantar untuk, dengan izin, overseas mission telah terlebih dibayar seperti yang dinyatakan dalam perenggan ini. Pada akhir tahun 1982 seorang duta besar yang ditugaskan di sebuah perwakilan luar negeri telah menginap di sebuah hotel selama lebih daripada empat bulan, disebabkan kediaman yang sesuai baginya tidak diperolehi. Tuntutan makan, penginapan dan lain-lain perbelanjaan berjumlah \$132,751.00 telah dibayar bagi tempoh penginapan di hotel

tersebut. Mengikut peraturan-peraturan yang ada sekarang, duta besar berkenaan hanya layak menuntut perbelanjaan makan **setakat lima hari sahaja semasa** menginap di hotel. Walau bagaimanapun, duta besar tersebut telah dibayar tuntutan melebihi kelayakan sebanyak \$10,229.00.

Pertanyaan saya mengenai pembayaran yang terlebih dibayar itu masih belum dijawab dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya perkara ini adalah amat serius dan saya harap di masa hadapan semua jabatan yang berkenaan perlulah mengikut teguran Ketua Audit Negara supaya Jabatan-jabatan Kerajaan tidak merugikan wang dan untuk Ketua Audit menjalankan tugasnya pula lebih senang.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya iaitu di Batu Gajah terdapat lebih-kurang 10,000 keluarga setinggan yang sedang menunggu untuk mendapatkan tanah untuk membina rumah mereka sendiri, tetapi Kerajaan tidak peduli akan masalah kekurangan perumahan di kawasan itu.

Ahli-ahli Exco dan jabatan-jabatan Kerajaan yang relevant menghabiskan masa mereka dengan menghadiri upacara-upacara seperti pembukaan bangunan-bangunan baru Kerajaan dan lawatan ke sana sini. Masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan itu telah menjadi semakin rumit kerana pihak Kerajaan telah mengurniakan tanah itu kepada penama-penama politiknya, pemaju-pemaju swasta dan perbadanan-perbadanan awam dan syarikat-syarikat untuk membina rumah kos rendah dengan mengusahakan lombong-lombong bijih timah.

Sebagai misalan ingin saya menyentuh dua tempat. Pertama, di Kampung Pisang Salim, 400—700 ekar tanah telah dikurniakan kepada satu syarikat namanya Kar King Development Sdn Bhd. Ini telah menafikan kira-kira 600—700 keluarga tanah yang telah menetap di situ untuk kira-kira lebih 50 tahun. Mereka telah membayar cukai pintu kepada Perbandaran Ipoh dan bekalan air paip dan letrik dan telefon sedia ada. Ada di antara mereka itu telah mendiami di situ dengan Lesen Tumpangan Sementara (TOL) yang mensyaratkan bahawa tanah berkenaan hanya boleh digunakan untuk membina rumah.

Saya sedar, undang-undang mengizinkan Lesen Tumpangan Sementara itu akan tamat pada 31hb Disember, tetapi apa yang penting ialah rumah itu adalah tegap dan boleh bertahan selepas 31hb Disember dan bukan seperti Lesen Tumpangan Sementara bagi tanaman-tanaman yang di mana notis selama enam bulan atau satu tahun mungkin cukup untuk membolehkan para petani berpindah pemilik. Penghuni rumah-rumah di Kampung Pisang Salim telah menjadi setinggan sebelum tanah tersebut diluluskan dan dikurniakan kepada pemaju swasta. Pihak berkuasa telah dengan sengaja gagal mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara untuk memastikan sama ada tanah tersebut adalah kosong atau sudah dipenuhi.

Sebagai untuk justify dan menghalalkan dari segi undang-undang perbuatan-perbuatan mereka yang salah dari segi undang-undang dengan tidak adil terhadap 600—700 keluarga di Kampung Pisang Salim, pihak berkuasa Negeri telah mengarahkan Pejabat Tanah supaya jangan membaharui Lesen Tumpangan Sementara mereka itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh gulung?

**Tuan Ting Chek Ming:** Boleh. Ingin saya menambah di sini bahawa salah satu sebab mengapa LMS dikeluarkan adalah disebabkan Kerajaan dan pihak berkuasa yang relevant telah sedar baru-baru ini mempunyai jentera dan tenaga manusia yang cukup untuk menampung pemerosesan dan penyediaan hak-hak milik kekal. Akibatnya ramai pemilik atau penghuni rumah-rumah ini termasuk rumah kedai yang dibuat daripada simen hanya mempunyai lesen Tumpangan Sementara. Di Papan Lama Lahat sebanyak 150 buah rumah telah mengalami nasib yang sama kecuali lot-lot rumah mereka dikurniakan kepada sebuah syarikat perlombongan Chong San Tin Mining Group.

Daripada tindakan ini adalah jelas bahawa kepentingan golongan berpendapatan rendah masih diabaikan dan tertindas. Ini sebenarnya bermakna Kerajaan menafikan hak orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukan pertolongan dan bantuan yang seharusnya diterima oleh mereka, bukan dengan menolakkannya kepada penderitaan yang lebih teruk. Sebaliknya, pembuat-pembuat keputusan di Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan dan beberapa orang pemaju pula menikmati keuntungan dan menjadi lebih kaya.

DAP menyeru Kerajaan menyiasat ke dalam perkara ini dan menentukan bahawa amalan-amalan curang dan penyelewengan seperti itu tidak berlaku lagi.

Cadangan lokasi bagi tempat pembuangan sisa-sisa nuklear ARE (Asian Rare Earth Sdn Bhd) . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh gulung?

**Tuan Ting Chek Ming:** Yang akhirnya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, itu yang akhir, ya.

**Tuan Ting Chek Ming:** Akhirnya, di belakang Kampung Baru Bukit Merah hendaklah dibatalkan dan dengan sebab jaminan Menteri Sains dan Teknologi telah berkata tahap radiasi tidak membahayakan kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk Lembah Kinta. Saya mencadangkan bahawa tempat pembuangan sisa nuklear dipindahkan ke kawasan lain, kalau tidak di belakang rumahnya.

Bolehkah Kerajaan menafikan bahawa pegawai-pegawainya sedang mengawasi tahap radiasi yang merbahaya, mungkin Menteri berkenaan hendaklah membuat homework dan bukan membuat kenyataan-kenyataan melulu apabila kesihatan dan kehidupan penduduk-penduduk di Lembah Kinta terdedah kepada radiasi.

Sekiranya tahap radiasi tidak membahayakan kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk dan pihak ARE itu telah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang, maka pihak pengurusan ARE haruslah membenarkan pakar-pakar radiasi melawat kilang itu. Saya difahamkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya sudah beri masa lama. Eloklah gulungkan. Yang Berhormat.

**Tuan Ting Chek Ming:** Ada lagi sedikit untuk ARE . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya sudah beri masa panjang. Saya minta Ahli Yang

Berhormat yang lain bangun. Ahli Yang Berhormat dari Benut.

5.59 ptg.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut):** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada ucapan dasar Menteri Kewangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Anggaran Belanjawan bagi tahun 1988 dan mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa perkara yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri pada 23hb Oktober yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara kita tidak boleh diasingkan dari perkembangan politik pada masa sekarang dan pemimpin-pemimpin mesti berterus-terang dengan rakyat tentang isu-isu yang timbul akibat dari kemelesetan dan kemerosotan ekonomi dan keadaan politik di negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu keterangan dan satu pendirian yang tegas dalam Dewan yang mulia ini pada minggu lepas. Saya rasa ucapan beliau menyenangkan hati rakyat berbilang kaum.

Kita haruslah sedar kepentingan kehidupan mereka adalah lebih penting dari kepentingan politik perkauman. Kemiskinan dan pengangguran tidak mengenal bangsa dan agama. Dia merebak seperti demam dan patut dicegah dengan segala daya dan upaya. Jika pencegahan seperti mana yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat tidak dibuat masyarakat Melayu akan diheret ke arah "fascism", dengan izin, oleh pihak tertentu dan kaum lain pula akan diheret ke arah "socialism", dengan izin, dan anasir-anasir subversif akan mengambil peluang untuk melakukan sesuatu yang tidak diingini.

Dalam keadaan sekarang di mana ekonomi kita masih lemah, di mana kadar dan bilangan penganggur sedang meningkat dan di mana perasaan perkauman dipanaskan, kita mesti mengambil panduan dari sejarah. Di dalam suasana begini di dalam 30an munculnya pemimpin seperti Mussolini dan Hitler yang menggunakan isu perkauman untuk merampas kuasa. Corak pemerintahan mereka telah membawa akibat yang buruk kepada bangsa mereka. Untuk mengalih pemikiran rakyat kepada masalah negara, musuh direka dan tenaga rakyat digunakan untuk perhimpunan secara besar-besaran di mana orang pendatang dimaki dan keganasan digunakan ke atas negara-negara jiran yang lemah.

Jadi, seruan Kerajaan kepada semua pihak supaya bekerjasama mengatasi situasi ekonomi dan politik patut diterima. Mereka yang bertanggungjawab dengan jawatan penting dalam Kerajaan patut menumpukan perhatian kepada jawatan masing-masing dan bukan untuk kepentingan diri dalam parti masing-masing. Mereka sebagai pemimpin Kerajaan tidak patut melibatkan diri mereka dalam "political opportunism", dengan izin.

Bekas pemimpin yang meninggal tidak akan senang dalam kubur kalau parti Kerajaan yang dibela oleh Allahyarham Tun Dr Ismail dan Allahyarham Tun Abdul Razak tidak memperjuangkan keamanan, kesejahteraan negara yang mereka bebaskan dari penjajah. Allahyarham Tun Abdul Razak pernah mengatakan kepada anak sulungnya "Nanti, apa pula orang lain kata."

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa media massa patut memberi pertolongan kepada Kerajaan untuk memastikan bahawa usaha-usaha merapatkan

kaum-kaum di negara ini dan memulihkan semula ekonomi negara dapat dicapai dengan cara positif dan berkesan. Media massa dalam negara kita patut menimbulkan masalah rakyat untuk pengetahuan awam supaya Kerajaan dapat memastikan kekurangannya dan mengambil tindakan yang segera bagi mengatasi isu-isu yang timbul.

Media massa patut memainkan peranan sebagai alat komunikasi di antara Kerajaan dan rakyat dan juga sebagai alat komunikasi di antara negara ini dengan negara lain. Media massa patut dan mesti bertanggungjawab ke atas kenyataan yang disebarikan dan memastikan bahawa apa yang dilaporkan adalah benar dan bukan rekaan pemberita atau pengarang mereka.

Di dalam konteks ini saya mengambil kesempatan menimbulkan rasa bimbang saya pada beberapa perkara yang membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh beberapa suratkhbar harian dan agensi-agensi penerangan Kerajaan tidak memenuhi hasrat dan dasar perpaduan yang dilaungkan oleh Menteri-menteri dan ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beberapa kali menyebut kekecewaannya terhadap berita negatif yang disiarkan oleh pihak akhbar asing yang merosakkan imej negara kita. Tetapi adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa sebaliknya agensi Berita Nasional Malaysia atau yang lebih dikenali dengan nama *BERNAMA* tidak kurang dosanya di dalam perkara ini. Satu contoh yang ternyata adalah berita berkenaan dengan peristiwa Prebet Adam yang dikeluarkan oleh *BERNAMA* dan dibaca oleh orang umum di negara ini pada pagi 19hb

Oktober di mana *BERNAMA* telah menyatakan bahawa kononnya ada tiga orang penembak dan bukan seorang sahaja seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di dalam Dewan yang mulia ini pada petang 19hb Oktober tahun ini.

Sebagai bukti, saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada laporan di dalam suratkhbar *The STAR* dan *The New Straits Times* pada 19hb Oktober berkenaan dengan perkara ini dan yang mencatatkan bahawa sumber berita itu adalah *BERNAMA*.

Jikalau rakyat di dalam negara membaca laporan palsu seperti ini dan merasa takut apa lagi dengan pelabur-pelabur asing yang membaca laporan ini sebab *BERNAMA* merupakan agensi rasmi negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat diberitahu bahawa media massa asing gemar melaporkan berita "sensational", dengan izin, dan sebarang pembetulan yang dibuat oleh *BERNAMA* tidak akan diterima dengan mudah. Tidak perlu saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, juga tentang peristiwa *BERNAMA*, dengan kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru. Saya minta Kerajaan membetulkan kesilapan agensi-agensi di bawah jagaannya. Sebab satu cara pelabur-pelabur asing mengukur sesebuah negara untuk pelaburan ialah dengan mutu penerangan atau "quality of information", dengan izin, yang memberi gambaran ke atas keikhlasan, kesahihan dan kebenaran butir-butir dan maklumat-maklumat yang dikeluarkan oleh pemberita rasmi negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa pemimpin negara telah pun menyarankan

kebingungan mereka terhadap perpaduan kaum Melayu. Saya ingin tahu, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa satu dari sebab perpecahan berlaku apabila akhbar-akhbar yang dikuasai oleh penyokong-penyokong Kerajaan menyebarkan cerita-cerita rekaan yang menyinggung perasaan segolongan rakyat berbangsa Melayu terutama sekali dari negeri Johor. Di dalam masa selepas Yang Berhormat dari Kota Tinggi meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri keluarlah cerita kononnya ada "Johor syndrome" dan sejarah juga diubah dengan cara akhbar komunis di mana kononnya Tun Dr Ismail seorang anak Johor meletakkan jawatannya kerana merajuk dengan Tunku Abdul Rahman seorang Putera Kedah. Sebab-sebab sebenar tidak disebutkan dan catatan seperti inilah yang menjadi satu daripada punca-punca perpecahan berlaku di kalangan masyarakat Melayu.

Sebelum dan selepas pemilihan Majlis Tertinggi UMNO, perbuatan tuduh menuduh terutama sekali dari tulisan pengarang-pengarang akhbar-akhbar tersebut kepada pihak-pihak yang kalah menimbulkan perasaan marah di kalangan penyokong-penyokong mereka yang terlibat. Di dalam konteks ini saya bersetuju dengan pandangan Allahyarham Tun Dr Ismail iaitu: "Jika anasir-anasir subversif ingin menghancurkan negara ini, mereka akan menyerap dan menggunakan orang Melayu sebagai alat." Saya ingin menambah sedikit pandangan beliau dan menyatakan bahawa media massa akan dikuasai oleh anasir-anasir tersebut untuk tujuan yang sama.

Janganlah dibenarkan media massa memainkan peranan sebagai "media massacre" dengan izin, dan janganlah dibenarkan media massa digunakan untuk melindungi mereka yang tidak ingin melihat pemimpin Melayu

bersatu semula kerana kepentingan peribadi dan perniagaan mereka kalau kita diminta bekerjasama di antara satu sama lain demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Berkaitan dengan perkara ini, Kerajaan patut mengambil perhatian bahawa integrasi nasional tidak akan wujud jika akhbar-akhbar harian mengutamakan berita tempatan kepada zon selatan, zon utara, zon tengah dan zon timur. Sesuatu akhbar harian nasional patut memberi liputan nasional yang sama pada semua. Rakyat di sesuatu negeri berhak menerima berita dari negeri-negeri lain. Saya minta Kerajaan membuat kajian atas sebab-sebab suratkhbar-suratkhbar yang diharamkan baru-baru ini mendapat jualan yang tinggi. Mungkin ada kelemahan dalam penyampaian penerangan Kerajaan yang memaksa pembeli-pembeli mengalih dari akhbar rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, peranan media massa dalam pembangunan adalah satu daripada kegiatan yang penting dalam usaha kita menentukan peningkatan kedudukan ekonomi kita yang meleset dan merosot. Yang penting juga adalah pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar Kerajaan. Di sini saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan dasar penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk menswastakan syarikat-syarikat dan agensi-agensi dengan tujuan mengurangkan perbelanjaan akaun semasa Kerajaan adalah satu langkah yang bijak. Tetapi hasil daripada penjualan itu merupakan satu untung besar kapital ataupun capital gain, dengan izin, pada pandangan saya patut dimasukkan ke dalam akaun istimewa sebagai suatu wang amanah rakyat. Ini adalah kerana apa yang dijualkan adalah sebahagian daripada harta yang dibentuk dari cukai yang datang dari rakyat. Saya tidak setuju jika hasil

penjualan digunakan untuk membayar perbelanjaan akaun semasa yang lain sebab tujuan asal Kerajaan tidak akan tercapai. Penjualan harta Kerajaan mesti dilakukan dengan cara yang lebih berkesan.

Sports Toto yang diswastakan dan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur baru-baru ini, pada pandangan saya adalah satu contoh di mana harga yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan amat kurang sedikit dari nilai yang ditetapkan oleh pembeli saham. Harga yang tinggi sekali yang dicapai oleh saham tersebut adalah \$11.50 tiap-tiap satu saham. Saham syarikat tersebut ditawarkan pada orang ramai dengan harga \$2.20 tiap-tiap satu saham. Syarikat Sports Toto pula diswastakan dengan harga yang lebih murah tiap-tiap satu saham pada mereka yang menawar saham itu pada orang ramai.

Mengikut kiraan saya, kalau kita menolak \$2.20 dari \$11.50, Kerajaan dan rakyat rugi sebanyak \$9.30 tiap-tiap satu saham dalam satu jualan yang Kerajaan patut lakukan tanpa penglibatan orang tengah. Walaupun Kerajaan menyimpan \$9 juta saham dari paid-up capital, dengan izin, sebanyak \$30 juta saham dengan nilai \$1.00, rakyat dan Kerajaan patut mengambil untung 100% dari penswastakan. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini pada mesyuarat yang lalu bahawa Kerajaan tidak bersikap adil jika penganjur skim penswastakan Sports Toto tidak diberi peluang yang utama untuk menunaikan pesanan Kerajaan iaitu penswastakan akan memberi faedah melalui cukai yang dapat dipungut, saya tidak percaya Perdana Menteri bertujuan seperti mana saya terangkan tadi, di mana politik pajak gadai wujud sebagai dasar Kerajaan di mana pengaliran kekayaan Kerajaan secara besar-besaran mengalir dari tangan

rakyat ke tangan dua, tiga pihak sahaja.

Lebih berkesan dan lebih berfaedah jika agensi-agensi diswastakan melalui tawaran di Bursa Saham Kuala Lumpur oleh Kerajaan kepada orang ramai melalui tender, dengan izin, sebanyak 10% dari saham-saham agensi-agensi yang dikoporatkan. Untuk menentukan nilai sebenarnya, sebagai penjual yang terbesar, Kerajaan boleh menentukan harga yang boleh menguntungkan Kerajaan dan rakyat. Saya harap cadangan ini boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan apabila agensi-agensi lain dikoporatkan dan diswastakan. Saya harap juga pemegang saham-saham terdiri daripada kalangan orang ramai dan bukannya daripada seorang dua sahaja. Tiap-tiap rakyat berhak memegang saham di dalam syarikat yang ditubuh dari cukai yang dipungut dari pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan orang ramai dan pelabur-pelabur saham, pada pandangan saya, pengurusan Bursa Saham Kuala Lumpur patut dinasihatkan oleh pihak Kerajaan supaya meminta keterangan dari syarikat Sports Toto berkenaan dengan pemberian akaun setengah tahun yang dikeluarkan oleh syarikat itu beberapa hari sebelum sahamnya dimasukkan ke dalam senarai saham-saham Bursa. Jauh bezanya anggaran peruntukan yang diberi dalam prospectus, dengan izin, dan peruntukan yang sah diterima dalam akaun setengah tahun sehingga nilai saham syarikat itu naik ke paras yang saya sebutkan tadi. Pada pandangan saya, ini merupakan satu manipulasi yang tidak patut berlaku.

Begitulah pandangan saya di atas dasar, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.16 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan jumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, yang lalu yang mana sejumlah \$28,121 juta diperuntukkan bagi Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada \$21.236 juta pada Perbelanjaan Mengurus dan \$6,885 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan. Dengan perbelanjawan itu Menteri Kewangan juga telah pun mengatur strategi Perbelanjawan 1988 iaitu:

- (i) mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan;
- (ii) meningkatkan kecekapan industri; dan
- (iii) memperbaiki kewangan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Belanjawan Tahun 1988 ini, pihak rakyat dalam negara kita ini merasa lega di atas perbelanjaan-perbelanjaan dalam Belanjawan bagi tahun 1988 ini yang mana telah diperuntukkan yang lebih bagi pembangunan luar bandar. Kita tahu keadaan sekarang ini, sungguhpun kemerdekaan kita telah meningkat 30 tahun, keadaan kemiskinan di kampung masih lagi ketara.

Umpamanya jalan, bekalan api, dan bekalan air masih lagi banyak di kampung-kampung belum diperuntukkan. Sungguhpun tiap-tiap tahun pihak Kerajaan apabila membentangkan Belanjawannya telah memperuntukkan sekian-sekian

banyak, sekian-sekian juta peruntukan untuk di luar bandar bagi mengatasi kemiskinan, tetapi hingga ke hari ini masih juga lagi banyak kemiskinan yang berada di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, dengan adanya peruntukan-peruntukan ini, kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diberikan tugas menjalankan tugas mereka dengan baik. Kenapa saya sebutkan begini, Tuan Yang di-Pertua? Sungguhpun peruntukan-peruntukan telah disediakan tiap-tiap tahun, di tiap-tiap kawasan, tetapi adakalanya pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas kadangkala mereka ini tidak menjalankan tugas dengan baik sehingga menjelang tahun hadapan projek-projek yang disediakan tidak juga diadakan. Dengan keadaan ini rakyat di kampung-kampung merungut projek-projek telah dijanjikan tiap-tiap tahun, tetapi masih juga belum dijalankan.

Oleh yang demikian, kita mengharapkanlah pihak Kerajaan, pegawai-pegawai yang berkenaan supaya menjalankan tugas dengan tidak berbelah-bahagi, dengan tidak juga pegawai-pegawai ini menyebelahi ataupun sekiranya mereka ini duduk di dalam Kerajaan, mereka itu menyebelahi kepada parti-parti Pembangkang supaya mereka ini mengasingkan dirinya daripada politik. Kita tidak mahu kadangkala kita dengar mereka ini dari parti Pembangkang, mereka sengaja lewat-lewatkan ataupun melengah-lengahkan projek-projek yang telah disediakan peruntukan kewangan. Begitu juga pegawai-pegawai ini kadangkala membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan kepada parti-parti Pembangkang dan parti-parti Pembangkang mengambil kesempatan pula untuk menghentam kembali pihak Kerajaan. Oleh itu, kita mengharapkanlah pihak-pihak yang

tertentu ini jangan menjadi seperti kata pepatah orang Melayu: "Tangan orang yang menyuap itu janganlah pula digigit".

Soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, dari 26 haribulan hingga ke hari ini boleh dikatakan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini memberi ucapan, memberi ingatan kepada parti-parti Pembangkang supaya jangan mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang telah sudah. Oleh itu, kita mengharapkanlah supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku dan janganlah pula mereka ini "setelah membaling batu, sembunyi tangan", kerana apa yang kita lihat selalunya parti Pembangkang ini merekalah yang memulakan perkara ini. Apabila tiba masa yang genting, mereka pulalah yang cuba-cuba hendak membela dan menunjukkan jaguh mereka kepada Kerajaan kita pada hari ini. Umpamanya, ucapan yang telah pun diberi oleh pihak-pihak Pembangkang yang kita dengar yang meminta kita ini bersabar dan sebagainya.

Oleh itu, kita mengharapkan apa yang dikatakan itu dapat dikotakan supaya perkara-perkara ini tidak berulang lagi, umpamanya yang disebut-sebut mengenai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dan juga penangkapan-penangkapan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, sebagai Wakil Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang seluas 94 batu persegi dengan 7 kawasan pilihanraya Parlimen yang mana kawasan ini diduduki oleh berbilang kaum dan bangsa, keturunan, darjat dan juga ketinggian hidup mereka sendiri. Oleh itu, dalam masalah ini lebih kurang hampir-hampir 300,000 daripadanya adalah

rakyat miskin yang mereka ini mendapat gaji bulanan tidak lebih daripada \$300 sebulan dan mereka ini adalah kebanyakannya duduk di kawasan-kawasan setinggan yang tempatnya di tepi-tepi sungai, di tepi-tepi lorong, di tepi-tepi landasan keretapi dan di kawasan-kawasan yang ada kosong di situlah mereka mendirikan rumah dengan beratapkan zinc dan juga ada kalanya berdingkan guni dan sebagainya untuk berteduh bagi keluarga mereka.

Dalam masalah ini kita mengharapkan Belanjawan ini di samping pihak Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk luar bandar, juga harus dipandang penduduk-penduduk di dalam bandar yang menerima pendapatan yang begitu kecil seperti saya sebutkan tadi, bukan di Kuala Lumpur ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi di bandar-bandar besar yang lain yang mana setinggan-setinggan ini telah menjadi masalah kepada pihak-pihak Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan negeri masing-masing. Tetapi di Kuala Lumpur, mereka ini datang adalah dengan tujuan untuk menolong pihak Kerajaan juga untuk mendapatkan pekerjaan, bekerja untuk menjadi pemandu, bekerja di kilang-kilang, bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan sebagai tukang kebun dan seterusnya. Jikalau mereka ini tidak datang kemungkinan Kuala Lumpur ini juga kerja-kerja tidak boleh dibuat kerana tidak ada mereka ini.

Oleh itu, dalam masalah ini terpaksa mereka duduk membuat rumah di kawasan-kawasan setinggan yang saya sebut tadi dan sekarang ini saya rasa tiap-tiap malam mereka ini dibanjiri oleh banjir kilat yang mana senantiasa mereka ini kena banjir, harta-benda musnah, makanan, pakaian, kanak-kanak sekolah basah, ada yang hilang begitu dan begitu juga masalah-masalah yang lain.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah kerana keadaan-keadaan yang berlaku banjir ini yang saya lihat adalah disebabkan oleh keadaan Sungai Kelang yang ada pada hari ini yang mana saya lihat keadaan di muara Sungai Kelang ini masih lagi kecil, tidak dibela dan tidak diperbaiki. Kerana dengan keadaan inilah air tersekat di depan hingganan melimpah dan menjadikan banjir di kawasan-kawasan lembah yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, dalam keadaan ini kita mengharapkanlah pihak Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri supaya memperuntukkan lebih sedikit bagi masalah-masalah untuk membanteras banjir ini. Banjir ini bukan sahaja merosakkan harta-benda tetapi juga sehinggakan di kawasan-kawasan yang tinggi juga dinaiki banjir. Ini disebabkan tidak ada sistem perparitan yang begitu baik yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu khususnya di Dewan Bandaraya sendiri. Apa yang saya tanya kepada Dewan Bandaraya, mereka mengatakan projek-projek tidak dapat dibuat adalah disebabkan kerana peruntukan kewangan tidak diberi kepada Dewan Bandaraya sendiri.

Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkanlah supaya pihak Kerajaan memandang sedikit soal keadaan Kuala Lumpur ini yang senantiasa dibanjiri oleh air-air yang apabila hujan sedikit sahaja pun banjir berlaku, iaitu di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, longkang-longkang tidak ada sehinggakan air-air ini melimpah di kawasan-kawasan perumahan yang ada.

Begitu juga dengan keadaan ini pada mulanya 10-15 tahun dahulu tidaklah begitu ketara sangat dengan banjir ini tetapi oleh kerana keadaan sekarang ini di Kuala Lumpur begitu banyaknya kawasan-kawasan pembangunan yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu iaitu pihak-pihak

swasta yang mana mereka ini kadangkala tidak mempedulikan soal keselamatan orang ramai, terutama apabila membuat projek-projek perumahan, mereka tidak menyediakan longkang-longkang yang besar yang boleh mengalirkan air ke sungai. Hanya mereka ini membuat longkang-longkang di kawasan pertapakan rumah yang disediakan itu sahaja sehinggakan air-air melimpah di kampung-kampung yang ada sedikit sebanyak lagi kampung-kampung tradisional di kawasan Kuala Lumpur ini.

Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya pihak Dewan Bandaraya dan pihak-pihak yang tertentu termasuk juga pihak yang mengelolakan keadaan pelan-pelan yang disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya supaya mengarahkan tiap-tiap pemaju perumahan sebelum mereka mendirikan rumah-rumah agar mereka ini menyediakan terlebih dahulu parit-parit besar ataupun sungai-sungai yang besar diperbaiki supaya air-air ini dapat mengalir dengan laju. Dengan keadaan ini saya rasa keadaan banjir yang berlaku ini kemungkinan akan dapat dikurangkan.

Di samping itu apa yang saya lihat juga sekarang ini banyak jambatan-jambatan yang lama masih lagi pembedung-pembedung ataupun culverts masih kecil. Yang sebenarnya air begitu luas datang apabila hujan. Dengan keadaan ini air tidak dapat masuk ke dalam longkang atau pembedung itu yang menjadikan air-air ini melimpah ke atas. Inilah yang menyebabkan air melimpah di jalan-jalan raya di Kuala Lumpur ini sehinggakan kadangkala pemandu-pemandu kenderaan memakan masa 4-5 jam untuk sampai ke rumah apabila balik daripada kerja kerana keadaan longkang-longkang ini.

Oleh itu, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan atau Dewan

Bandaraya sendiri supaya mengubahkan ataupun memecahkan longkang-longkang yang sedia ada ini supaya bah-bah ini akan dapat dikurangkan. Umpamanya, yang ketara sangat saya lihat jambatan yang menghala ke Angkasapuri iaitu Stesen Radio dan TV Malaysia kita iaitu ada tiga jalan di situ; satu jalan raya, satu jalan landasan keretapi dan sebelah lagi jalan kampung. Dengan keadaan pembedung yang kecil itulah kawasan itu sehinggakan air melemah dan kawasan Universiti Malaya sendiri terpaksa banjir disebabkan air itu melemah ke hulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak sambung panjang lagikah?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Saya hendak sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Terima kasih, saya hendak sambung sedikit lagi nanti, bukan hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lusa, 5 minit lagi ya!

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tidak sempat rasa saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lusa, 5 minit lagi boleh sambung.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Insha Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga lusa, hari Khamis, 5hb November, 1987.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*